



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
Session

Jilid I Bil. 4 Hari Khamis 20hbDisember,1990

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
— Y.B. Tuan Hassan bin Harun (Ruangan 40)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang—undang Kumpulan Wang Disatukan
(Perbelanjaan Masuk Akaun) (Ruangan 77)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1989 dan 1990) (No.2) (Ruangan 78)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 20hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BEKAS PASUKAN KESELAMATAN - BANTUAN

1. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri dalam Negeri menyatakan dengan jelas kaedah bantuan yang akan dikeluarkan kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan terutama setelah termeterinya perjanjian perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Malaysia pada akhir tahun 1989.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjanjikan apa-apa bantuan yang khusus kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan setelah termeterinya perjanjian perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Malaysia tempoh hari. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap apa-apa masalah yang mereka hadapi, khususnya dari segi kebajikan.

PERUMAHAN TERBENGKALAI - TABUNG BANTUAN

2. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa jumlah projek perumahan terbengkalai di seluruh negara yang telah dapat dibantu dalam skim "Tabung Bantuan Pemaju Perumahan";
- (b) jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam usaha ini; dan
- (c) jumlah bilangan unit rumah yang telah siap dibina dari bantuan "Tabung Bantuan Pemaju Perumahan" ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Tuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat 30hb November, 1990 sebanyak 187 permohonan telah diterima oleh Urusetia Tabung Projek Perumahan Terbengkalai bagi mendapatkan bantuan kewangan di bawah skim tersebut. Setiap permohonan yang diterima akan dikaji dengan terperinci secara kumpulan atau, dengan izin, batch by batch mengikut tarikh permohonan diterima. Setakat ini, sebanyak 30 permohonan telah diluluskan;
- (b) jumlah pinjaman yang telah diluluskan setakat ini adalah sebanyak \$108.83 juta yang melibatkan 9,035 unit rumah; dan
- (c) setakat ini belum ada lagi rumah yang disiapkan hasil daripada Tabung tersebut kerana skim berkenaan baru dilancarkan pada 18hb Jun, 1990.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan tadi. Sebenarnya kita telah dapat mendengar skim membantu ini, tetapi saya harap minta Yang Berhormat menjelaskan apakah maksud atau matlamat penubuhan Skim Tabung Perumahan Terbengkalai ini dan apakah syarat-syaratnya untuk mendapatkan bantuan dan berapakah jumlah wang tabung ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ini ingin membantu projek-projek perumahan yang terbengkalai. Oleh kerana itu matlamat penubuhan Skim Tabung Perumahan Terbengkalai ini ialah untuk membantu menyiapkan projek perumahan yang terbengkalai. Yang kedua, membantu pembeli rumah mendapat hak milik yang sah ke atas rumah mereka, dan yang ketiga, membantu institusi-institusi kewangan menyelesaikan kesulitan akibat daripada projek-projek perumahan yang terbengkalai..

Berkenaan dengan syarat-syarat, Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat bagi mendapatkan bantuan di bawah Skim Tabung Projek Perumahan Terbengkalai ini ialah, pertama, sesebuah projek perumahan itu mestilah dikelaskan ataupun dikategorikan sebagai terbengkalai iaitu sebarang kerja melibatkan projek itu telah lama terhenti. Yang -kedua, sesebuah projek perumahan itu mestilah telahpun dimulakan pembinaannya sebelum ianya terbengkalai. Yang ketiga, projek perumahan yang terbengkalai tersebut hanya melibatkan rumah kediaman sahaja. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Petua, pertimbangan boleh juga diberikan sekiranya projek berkenaan itu mengandungi unit-unit rumah kedai; Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan terbengkalai tersebut mestilah telahpun mempunyai pembeli-pembeli yang telah terikat dengan perjanjian jualbeli yang sah.

Jumlah wang tabung ini ialah \$300 juta.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, yang manakah bank-bank yang mengendalikan pinjaman bagi skim ini dan yang kedua, daripada 30 projek yang telah diluluskan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa projek yang diluluskan di setiap negeri?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Ada beberapa bank dalam negara kita ini yang mengendalikan pinjaman bagi skim khas ini. Mereka ialah Perwira Habib Bank Bhd., Public Bank Bhd., United Malayan Banking Corporation Bhd (UMBC Bhd.), Malayan Banking Bhd., (May Bank) dan Bank Bumiputra Malaysia Bhd. iaitu lima bank yang terlibat dalam skim ini.

Tadi saya telah sebutkan bahawa sejumlah 30 permohonan yang telah diluluskan yang melibatkan 30 projek. 30 projek yang diluluskan dan diberi bantuan khas ini adalah daripada negeri-negeri berikut:

Negeri	Jumlah projek diluluskan
Selangor	10
Perak	5
Johor	4
Melaka	3
Negeri Sembilan	3
Wilayah Persekutuan	3
Sabah	1
Terengganu	1

PROGRAM KOTAK AWAL PEMBASMIAN KEMISKINAN

3. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan apakah pencapaian "Kotak Hitam" Kementerian sejak ianya dilancarkan. Adakah ianya mencapai matlamat yang dihasratkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian tidak ada melaksanakan "Kotak Hitam" sepertimana yang dinyatakan. Program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian ialah "Program Kotak Awal Pembasmian Kemiskinan". Program ini memerlukan daya usaha sendiri untuk membasmi kemiskinan menerusi amalan bercucuk tanam di samping menambah pengeluaran pertanian. Secara langsung program ini

akan menghapuskan sikap terlalu bergantung kepada Kerajaan dan sebaliknya mewujudkan sikap berdikari. Petani-petani miskin yang dikenalpasti diberi bantuan dalam bentuk biji benih dan lain-lain input pertanian untuk diusahakan secara individu di kawasan rumah masing-masing untuk keperluan sendiri atau secara kelompok bagi tujuan komersial. Sejak ianya dilancarkan pada 30hb Jun, 1990 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebanyak 79 daerah yang telah dipilih untuk melaksanakan projek berkelompok di bawah program ini yang melibatkan kawasan seluas 402 hektar. Setakat ini keluasan tanah yang telah diusahakan ialah seluas 248 hektar. Bakinya sebanyak 154 hektar masih lagi dalam peringkat perancangan.

Mengenai pencapaian projek ini, pelaksanaan 7 program kelompok di negeri Perlis misalnya, menghasilkan sebanyak 380,900 kilogram hasil keluaran dengan hasil penjualan sebanyak \$258,540.00 yang melibatkan seramai 123 orang peserta atau purata jualan sebanyak \$2,100 bagi seorang peserta. Program tersebut masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan di negeri-negeri lain seperti Selangor dan Perak dan adalah terlalu awal untuk mengukur pencapaian ataupun kesan program ini.

INJAP JANTUNG PALSU

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan injap jantung palsu yang dibuat oleh Shiley Inc., Amerika Syarikat:

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang digantikan dengan injap jantung palsu Shiley pada masa sekarang;
- (b) adakah penerima-penerima itu sedar tentang keburukan injap-injap palsu itu;
- (c) setakat sekarang jumlah kes kerosakan injap jantung palsu itu di Malaysia; dan
- (d) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menguji kesihatan penerima-penerima injap jantung palsu Shiley.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa sekarang terdapat 18 orang pesakit di negara ini yang telah digantikan dengan injap jantung palsu Shiley;
- (b) penerima-penerima injap jantung palsu sedar akan kelemahan injap-injap palsu tersebut kerana semasa lawatan ke klinik ulangan mereka diberitahu mengenainya;
- (c) setakat ini belum terdapat penerima-peneriraa yang mengalami kerosakan injap jantung palsu tersebut;
- (d) bagi menguji kesihatan penerima-penerima injap jantung palsu Shiley, penerima-penerima dikehendaki mengikuti klinik ulangan. setiap tiga bulan untuk pemeriksaan atau ujian berikut:
 - (i) mendapatkan perihal kesihatan pesakit iaitu history-taking, dengan izin;
 - (ii) pemeriksaan fizikal;
 - (iii) ujian-ujian yang dilakukan termasuk ujian darah, pemeriksaan BCG dan x-ray dada; dan
 - (iv) ujian-ujian tambahan dilakukan bila perlu.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pesakit-pesakit ini terpaksa membayar apa-apa bayaran mengenai injap jantung palsu ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bayaran pada masa pembedahan dan rawatan itu diberi memang adalah satu bayaran yang munasabah pada masa sesuatu pembedahan pemasangan injap itu dipasangkan. Di Hospital Kerajaan selama ini memang bayaran minima dikenakan.

GURU PENOLONG KANAN/KO-KURIKULUM

5. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan mempunyai cadangan untuk melantik Guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Ko-Kurikulum di sekolah-sekolah kategori B oleh pihak Jabatan Pendidikan sendiri dan bukannya oleh Guru Besar sekolah masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan struktur baru Perkhidmatan Pendidikan, sekolah menengah dan sekolah rendah yang digredkan semula sebagai sekolah gred B tidak dibekalkan secara rasmi dengan jawatan Guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Ko-Kurikulum. Walau bagaimanapun, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sesuai boleh dilantik untuk menjalankan tugas-tugas tersebut sebagai tugas tambahan dan mereka ini dibayar elaun tanggungjawab. Lantikan untuk menjalankan tugas-tugas itu sememangnya dibuat oleh Pengarah Pendidikan Negeri sebagaimana arahan Surat Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan Bil. 3 Tahun 1990.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan memberi kaedah ataupun garis panduan kepada guru-guru besar untuk mereka mencadangkan Guru Kanan Ko-Kurikulum dan Guru Penolong Kanan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Circular yang dikeluarkan oleh Kementerian pada 27 September 1990, latarbelakang dan cara-cara diberikan untuk digunakan sebagai panduan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

6. **Tuan Chong Chi Siong** [dibawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan di akhir-akhir ini bilangan kanak-kanak yang dianiayai agak bertambah, berapa kes telah diambil tindakan mahkamah oleh Menteri berkenaan terhadap ibu/bapa penjaga setakat ini.

12. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes-kes penganiayaan kanak-kanak dilaporkan pada tahun 1989 dan 1990; dan
- (b) berapa orangkah yang dihukum setakat ini kerana penganiayaan terhadap kanak-kanak.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Yee]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan P. Balaram, soalan No.12, yang mengemukakan soalan yang sama pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebanyak 649 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh tahun 1989 hingga September 1990.
- (b) Daripada kes yang dilaporkan tersebut, sebanyak 85 kes telah dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947. Daripada jumlah ini, 29 dibebaskan, 49 diberi amaran, 5 diikat jamin dan 2 didenda.

Puan Ainon binti Ariffin Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat dua soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertama, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini walaupun namanya telah bertukar, tetapi telah berfungsi begitu lama bagi mengadakan kursus-kursus kaunseling ataupun pendekatan-pendekatan pendidikan kepada para ibu bapa ataupun orang ramai yang bakal menjadi ibu dan bapa.

Yang kedua, kes-kes yang dikemukakan di mahkamah tadi itu, kenapa denda dan hukuman-hukuman ini tidak begitu berat? Tidakkah boleh Kementerian Yang Berhormat mencadangkan supaya hukuman kepada pendera-pendera dan kepada penyeksa-penyeksa kanak-kanak ini diberatkan lagi? Kita pernah pinda baru-baru ini tetapi diberatkan lagi daripada hukuman biasa, dijatuhkan hukuman sebat atau boleh atau tidak dimasukkan di dalam syor itu nanti, hukuman diselar dengan besi panas kepada mereka yang melakukan perbuatan ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama memang ada kursus-kursus yang kita bagi kepada bakal ibubapa-ibubapa tetapi ini bergantung kepada mereka sendiri masing-masing yang ingin mengikuti kaunseling yang kita beri atau tidak dan kita tidak ada apa-apa kuasa untuk mempengaruhi mereka untuk mengikuti apa-apa penasihat yang kita bagi kepada mereka .

Berkenaan dengan soalan kedua ini, denda sekarang yang dikenakan iaitu di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 dan itu ada satu hukuman yang tidak melebihi 35,000 ataupun dua tahun penjara. Tetapi ada kemungkinan dahulunya mahkamah-mahkamah tidak memandangkan berat kepada kes-kes ini dan oleh sebab itu ada satu Jawatan-kuasa di bawah SCAN yang telah mencadangkan bahawa Akta ini perlu dipindahkan dan baru-baru ini Kementerian saya telah membentangkan satu Akta baru iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak 1990 di Dewan Rakyat dan itu dinaikkan denda sampai 510,000 ataupun dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Kita berharap memandangkan hukuman ini meningkat, mahkamah-mahkamah pun mengambil berat kepada hukuman ini .

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kes-kes berkenaan kepada kanak-kanak ini begitu bertambah di dalam masyarakat kita pada hari ini, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung untuk membantu kanak-kanak yang teraniayai ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya ada memandang berat berkenaan dengan apa bantuan yang kita boleh beri dan baru-baru ini Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memperuntukkan satu tabung yang berjumlah \$20 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara dan mungkin kita boleh menggunakan separuh ini untuk membantu kes-kes kanak-kanak tersebut. Lagi satu baru-baru ini Kementerian saya telah memutuskan bahawa tahun depan kita akan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mengutip derma untuk tabung itu.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua; soalan tambahan. Saya tidak apa memastikan sama ada kajian dijalankan mengenai sebab-sebab penganiayaan budak-budak ini. Jadi, kemungkinan mereka ini ada masalah psikologi seperti, dengan izin, sadistic tendency ataupun oleh sebab ketekanan jiwa kerana oleh sesuatu ataupun memang dengan hati yang dashyat untuk menganiayai budak-budak ini. Jadi, soalan saya sama ada satu kajian telahpun dijalankan untuk menentukan mengapa penganiayai ini menganiayai kanak-kanak?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kita ada sekarang menjalankan satu kajian dan perangkaan yang saya telah berikan tadi, iaitu 370 kes, itu pun dipecahkan atau breakdown untuk menganalisa. Beberapa kes ini dilakukan oleh ibu, beberapa kes oleh bapa, beberapa kes pengasuh dan beberapa kes jiran dan macam-macam. Dalam angka-angka yang kita kaji ini, kita boleh siasat mengapa kes-kes ini dilakukan.

SEGITIGA JOHOR-BATAM-SINGAPURA - KERJASAMA

7. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan objektif dasar dan strategi kerjasama segitiga Johor-Batam-Singapura. Apakah faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Malaysia, khususnya Johor dalam gagasan ini .

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, objektif dasar kerjasama segitiga Johor-Batam-Singapura adalah untuk mewujudkan satu kawasan pelaburan bersama di rantau ini dalam bidang pelaburan, perindustrian dan pelancongan. Dalam mencapai objektif tersebut, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas terdiri daripada agensi-agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor bagi mengkaji strategi pelaksanaan dan implikasi kerjasama tersebut terhadap negara kita, khususnya Johor, supaya ianya selaras dan tidak bertentangan dengan matlamat pelan pembangunan negara pada keseluruhannya.

Tuan Hassan bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sejauhmanakah Kerajaan Negeri diberi kebebasan untuk membuat hubungan "G-to-G" ini di peringkat negeri masing-masing. Apakah negeri-negeri lain diizinkan juga membuat hubungan secara langsung dengan negara-negara jiran untuk tujuan yang sama?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan : Ada lebih baik kita kira pihak negeri berhubung dahulu dengan Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Luar Negeri, untuk mendapat apa-apa bantuan sebelum mewujudkan apa-apa kerjasama di antara negeri dengan lain-lain negara di rantau ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan Indonesia telahpun mengadakan promosi secara besar-besaran di Jepun bersama dengan Singapura bagi memajukan industri di Batam, tetapi saya tidak lihat wakil dari Johor. Apakah ini terjadi?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya kurang pasti sama ada benar ataupun tidak wakil negara kita tidak sama-sama dengan wakil Kerajaan Singapura dan Indonesia dalam usaha promosi yang diadakan di Jepun. Pihak saya akan siasat dan memberitahu Yang Berhormat secara bertulis.

NELAYAN MODEN

8. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan pernahkah Kerajaan mengadakan kempen/memberi penerangan kepada belia-belia pantai untuk menjadi nelayan moden dengan usaha sendiri/melalui pinjaman/subsidi Kerajaan/menyambung khidmat nelayan-nelayan tua/ayah-ayah mereka melalui:

- (a) penerangan dan pendedahan yang baik menjadi nelayan;
- (b) lawatan ke tempat-tempat nelayan-nelayan maju;
- (c) kerja-kerja sampingan selain dari ke laut; dan
- (d) cara-cara jualan hasil tangkapan dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah dan akan terus memberi penekanan mengadakan kempen dan penerangan kepada belia-belia pandai untuk menjadi nelayan moden melalui beberapa program dan projek LKIM seperti berikut:-

- (a) Kursus-kursus pengurusan, peningkatan teknologi penangkapan ikan dan kewangan untuk mengendalikan bot menangkap ikan, kursus kepimpinan dan motivasi serta kursus kemahiran dan keusahawan. Di samping itu, Jabatan Perikanan telah menyediakan kursus Angkatan Nelayan Laut Dalam dan kursus-kursus akuakultur untuk melatih mereka supaya mencebur diri dalam bidang-bidang perikanan yang lebih moden. LKIM juga melaksanakan kempen dan penerangan mengenai peranan dan kepentingan nelayan serta Persatuan Nelayan dalam pembangunan ekonomi negara.

- (b) Aktiviti lawatan sambil belajar telah dijalankan ke kompleks pendaratan ikan, projek akuakultur yang berjaya, Persatuan-persatuan Nelayan Jaya, pusat pemprosesan ikan dan Medan Ikan Bakar. Bagi mendedahkan mereka kepada perusahaan perikanan yang lebih canggih, lawatan sambil belajar ke luar negeri seperti Thailand, Korea dan Jepun telah juga diadakan. Manakala nelayan dari negeri Sarawak pula diberi peluang untuk mengunjungi tempat perikanan yang maju di Semenanjung Malaysia .
- (c) Bagi mendedahkan nelayan ini dan isi keluarganya kepada kerja-kerja sampingan selain daripada ke laut, LKIM telah menjalankan kursus pemerosesan bebola/kek ikan, keropok dan belacan, kursus ketukangan, kursus industri kecil dan kursus memupuk kesedaran berniaga.
- (d) Para nelayan individu dan pemimpin Persatuan Nelayan juga telah menyertai kursus keusahawan, seminar dan bengkel mengenai kaedah pengendalian dan pemasaran ikan di peringkat borong dan runcit. Bagi meningkatkan sistem pemasaran ikan, nelayan digalakkan menyertai jualan ikan secara terbuka di kompleks pendaratan ikan supaya nelayan menerima harga yang munasabah dan menguntungkan.

HARI KELEPASAN AM ANGKATAN TENTERA

9. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang masalah cuti Angkatan Tentera yang tidak selaras dengan cuti mingguan Negeri-negeri. Contohnya: Hari Kelepasan di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor yang bercuti pada hari Jumaat, tetapi Angkatan Tentera bercuti pada hari Ahad.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]; Tuan Yang di-Pertua, dasar bagi menetapkan Hari Kelepasan Am di. dalam Angkatan Tentera ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan. Penetapan dasar ini adalah mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat yang juga bertanggungjawab mengenai keselamatan negara. Oleh itu semua markas formasi dan unit-unit yang terletak di dalam negeri-negeri yang dimaksudkan dikehendaki mematuhi arahan Kementerian Pertahanan kerana markas formasi dan unit sentiasa berhubung dengan Kementerian Pertahanan dan sebaliknya. Jika tidak diwujudkan penyeragaman ini, Kementerian Pertahanan dan markas-markas di negeri-negeri berkenaan akan kerugian dua hari bekerja. Tambahan pula dengan sistem pentadbiran Angkatan Tentera yang sentiasa boleh dihubungi, maka perbezaan cuti mingguan di antara Angkatan Tentera dengan dengan negeri-negeri tersebut tidak mendatangkan masalah yang besar.

Tuan Shuib bin Endut: Tidakkah Kerajaan sedar dengan tidak diselaraskan cuti tersebut akan menjejaskan tugas mereka dan juga akan menimbulkan masalah kepada suami atau isteri yang bertugas di negeri yang berlainan sedangkan Kerajaan kita mahu masyarakat yang penyayang.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed; Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini kita tidak mengalami apa-apa masalah tentang perkara ini kerana seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, keadaan itu perlu oleh kerana markas-markas ini terpaksa menghubungi Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa. Jadi penyeragaman di antara Kementerian dengan markas-markas ini berhubung dengan hari

kelepasan minggu itu adalah penting untuk penyelarasan kerja dan sebagainya.

KRAFTANGAN DAN INDUSTRI KAMPUNG

10. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk memajukan kraftangan dan industri kampung di seluruh Malaysia. Dapatkah Malaysia memperkenalkan atau menjual hasil kraftangannya kepada pelancong yang melawat Malaysia.

Timbalau Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan melalui Perbadanan Kraftangan telah mengatur beberapa pendekatan ataupun strategi pembangunan melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- (a) latihan kemahiran;
- (b) galakan pengeluaran;
- (c) galakan perdangangan;
- (d) daya cipta; dan
- (e) maklumat kraf.

Penekanan telah ditumpukan kepada tiga pendekatan yang utama iaitu:

- (1) menyusun semula unit-unit pengeluaran yang terdapat tumbuh di segenap rantau di negara ini dan dalam situasi di mana unit-unit pengeluaran dapat diadakan setempat dan di bawah keadaan tempat berkerja yang lebih sempurna. Dengan cara ini segala pembaharuan dari segi teknologi pengeluaran, susunan kerja, susunan urusan pengeluaran dan perniagaan dapat digerakkan secara tersusun dan teratur mengikut alai kilang;
- (2) untuk mempertingkatkan ilmu kemahiran sepadan dengan teknologi-teknologi terbaharu mengenai pengeluaran-pengeluaran barang-barang kraf tempatan. Tumpuan adalah untuk mengeluarkan lapisan tenaga pengurusan yang berwibawa

yang boleh membawa industri ini ke alam pembuatan dan perniagaan yang lebih sempurna; dan

- (3) memperbesarkan peluang pasaran baik di dalam atau di luar negeri dengan mempelbagaikan pengeluaran barang-barang di dalam berbagai rupa bentuk mengikut selera pasaran. Ini adalah bertujuan untuk menyediakan pasaran terhadap potensi barang-barang keluaran tempatan.

Ingin saya maklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam usaha-usaha menyediakan kemudahan-kemudahan pengeluaran secara tersusun dan teratur di peringkat negeri akan diteruskan. Penekanan akan diberikan di dalam memperkenalkan pilihan barang-barang yang kini berupaya dikeluarkan dengan banyak dan bermutu untuk pasaran dalam dan Luar negeri. Perbadanan Kraftangan akan menyediakan beberapa program dagangan untuk memperkenalkan barang-barang yang telah dapat dikeluarkan dengan secara tersusun dan mutu yang terkawal.

Mengenai penjualan hasil kraftangan kepada pelancong-pelancong, hasil jualan melalui Pusat Karyaneka meningkat sebanyak 12.8% hingga bulan November, 1980 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Ini menunjukkan bahawa Malaysia berupaya menghidang barang-barang kepada pelancong-pelancong yang datang melawat ke negara ini.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati bahawa banyak sekali kraftangan-kraftangan yang diimport masuk daripada negara-negara lain terutama sekali dari negara ASEAN. Jadi di sini jelaslah ada persaingan yang hebat. Memangnya orang tempatan kebanyakannya lebih suka membeli kraftangan daripada luar negeri. Jadi apakah tindakan Kerajaan untuk hendak menghapuskan masalah ini. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman; Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa sebagaimana yang saya sebutkan tadi usaha-usaha Kerajaan ialah untuk meningkatkan lagi kemampuan kita mengeluarkan kraftangan-kraftangan dalam negara kita dan memang ada kraftangan-kraftangan yang dibawa daripada luar negara dan ini juga mendapat pasaran tertentu dalam negara kita bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan bahkan juga di kalangan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Kita tidak boleh menyekat kemasukan barang-barang kraftangan daripada lain-lain negara melainkan kita mampu mengisikan kekosongan itu dan usaha-usaha yang di-buatkan oleh Jabatan Perbadanan Kraftangan ini, insya Allah, dapat mengisikan dan sudah mulapun mengisikan keperluan ini. Sebagaimana saya sebutkan tadi, bahawa penjualan di Pusat Karyaneka pada tahun lalu telahpun meningkat 12.8% berbanding dengan penjualan pada tahun 1988 ialah sebanyak \$4,616,000.00 dan penjualan pada tahun 1990 ialah \$5,858,000.00.

KAD PENGENALAN BARU

11. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) bila Kad Pengenalan-Kad Pengenalan baru akan dikeluarkan kepada orang ramai; dan
 - (b) apabila kad-kad tersebut dikeluarkan oleh Kerajaan langkah-langkah yang disediakan oleh Kerajaan supaya orang ramai tidak perlu menunggu lama di Pejabat-pejabat Pendaftaran di tempat masing-masing.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob; Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kad Pengenalan baru akan dikeluarkan apabila majlis pelan-

carannya dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

(b) Jabatan akan mengesan dari masa ke semasa sambutan orang ramai dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk menyenangkan orang ramai mengenai urusan ini seperti:

- (1) menambah bilangan kaunter perkhidmatan;
- (2) menambah bilangan kakitangan kaunter perkhidmatan;
dan
- (3) memperkenalkan konsep penerimaan permohonan dan prosesan permohonan dikendalikan oleh kakitangan yang berasingan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa orang-orang yang datang tanpa izin atau pendatang-pendatang haram terutama sekali daripada Pilipina dan juga Indonesia yang terdapat di negeri Sabah sudah mempunyai Kad Pengenalan-Kad Pengenalan biru yang begitu ramai sekali. Soalan saya, adakah Kerajaan akan membentuk sebuah Royal Commission of Enquiry, dengan izin, untuk mengesan dan memeriksa Kad Pengenalan- Kad Pengenalan tersebut. sebelum Kad Pengenalan-Kad Pengenalan baru dikeluarkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak sedar bahawa ada pendatang-pendatang haram atau pendatang-pendatang tanpa izin daripada negara luar yang telahpun diberi taraf kewarganegaraan iaitu Kad Pengenalan biru yang sah. Tetapi berkemungkinan bahawa mereka ini telahpun diberi dengan Kad Pengenalan yang palsu kerana dari tangkapan-tangkapan yang telah dibuat oleh pihak polis memang ada sedikit di Sabah yang telah menjual Kad Pengenalan palsu. Tetapi kita jangan keliru kadang-kadang orang asing yang datang ke sini setelah mereka menetap

di sini dengan dokumen-dokumen yang sah selepas lima tahun mereka boleh diberi taraf penduduk tetap dan selepas 12 tahun mereka pula boleh memohon untuk menjadi warganegara. Jadi kadang kala kita tersilap untuk memberi taksiran tentang orang-orang tanpa izin dengan orang-orang yang diberi keizinan untuk masuk ke negara kita ini. Bagaimanapun Kerajaan akan memberi penelitian dengan cara yang terperinci sebelum Kad-kad Pengenalan jenis baru ini diberikan kepada rakyat kita.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. . Oleh kerana apa yang difahamkan kepada saya kad pengenalan baru ini ia berbentuk seperti kad kredit, maka dari segi ketahanan kad pengenalan baru ini tidakkah ia lebih mudah patah berbanding dengan kad pengenalan lama?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saiz kad yang baru ini ialah saiz kad kredit. Tetapi tidak semestinya apabila kita berkata bahawa saiznya kad kredit., kad itu akan lekas patah. Kerana kita telahpun menentukan bahawa kad kredit yang berukuran 54 mm x 85 mm itu tahan lama dan tidak akan patah sepertimana yang berlaku kepada lesen memandu yang mana sering patah. Daripada pengalaman ini kita akan menentukan kad ini tidak akan patah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No .12 sudah dijawab.

LESEH KENDERAAN PERDAGANGAN - TEMPOH

13. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan tidakkah masa 6 bulan yang diberikan bagi melesenkan sesuatu Permit adalah sangat singkat, tidakkah ada kajian bagi melanjutkannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, tempoh 6 bulan untuk melesenkan kenderaan perdagangan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah memadai. Tindakan mengurangkan tempoh bagi melesenkan kenderaan daripada dua tahun sebelum ini kepada enam bulan dibuat ekoran daripada timbulnya masalah kekurangan kenderaan perdagangan walaupun telah banyak lesen-lesen yang telah diluluskan.

Langkah ini diambil untuk menjamin supaya perkhidmatan kenderaan perdagangan mencukupi selaras dengan perkembangan pesat ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, sekiranya pengusaha-pengusaha gagal untuk melesenkan kenderaan mereka dalam tempoh yang ditetapkan dan kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan seperti tidak manperolehi kenderaan yang telah ditempah, mereka masih boleh memohon untuk rnelanjutkan tempoh melesenkan kenderaan daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan, Perdagangan. Permohonan hendaklah dikemukakan bersekali dengan bukti-bukti kukuh yang menunjukkan kegagalan melesenkan kenderaan adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock.

VIDEO MENCERMINKAN KEBUDAYAAN RAKYAT

14. **Puan Law Jack Yoon [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menggalakkan pengeluaran tayangan video tempatan sebagai langkah untuk mencerminkan kebudayaan rakyat yang berbilang kaum demi menjadikan cara hidup kita lebih dikenali di peringkat antarabangsa lantaran menggalakkan pelancong asing ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memberi gambaran mengenai kebudayaan rakyat yang berbagai kaum di negara ini bagi menarik kemasukan pelancong, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah dan akan menghasilkan bahan-bahan bercetak mengenai kesenian, kraftangan, adat istiadat, permainan tradisi dan sebagainya untuk disebarkan kepada rakyat tempatan dan juga para pelancong. Kementerian juga memang telah dan akan terus memberi galakkan untuk menghasilkan maklumat ii dalam bentuk video tape. Sebagai contoh setakat ini berapa buah persembahan melalui a.v. telahpun dibuat disamping bantuan-bantuan juga telahpun diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tujuan ini terutama bagi membantu memperkenalkan negara ini di luar negeri.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

15. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kenapakah di akhir-akhir ini harga telur naik terlalu tinggi;
- (b) adakah daging arnab telah mencukupi di pasaran sekarang; dan
- (c) apakah matlamat kempen penggunaan koko yang dijalankan sekarang.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenaikan harga telur yang tinggi diakhir-akhir ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi pengeluaran dan permintaan. Dari segi pengeluaran adalah didapati kos pengeluaran telah meningkat dengan pesatnya di mana harga jagung bijirin dan lain-lain kos input telah meningkat berikutan pengurangan pengeluaran daripada negara-negara pengeluar seperti Thailand. Kenaikan harga juga disebabkan oleh permintaan yang bertambah umpamanya di musim perayaan. Di samping itu kenaikan harga ikan dan daging menyebabkan orang ramai memilih telur sebagai alternatif sumber protin. Kenaikan harga telur juga berlaku disebabkan oleh pengeluaran telur yang berkurangan di dalam satu-satu tempoh seperti di musim hujan. Umpamanya pengeluaran telur ayam pada bulan November telah berkurangan sebanyak 5% berbanding dengan bulan Oktober manakala bulan Disember dilaporkan pengurangan sebanyak 57

lagi. Faktor-faktor ini telah mempengaruhi kenaikan harga telur dengan tinggi. Walau bagaimanapun adalah dijangkakan situasi ini sementara sahaja.

- (b) Bekalan daging arnab adalah mencukupi untuk menampung permintaan semasa di seluruh negara. Adalah dijangka pengeluaran daging arnab akan meningkat dengan pesatnya berikutan dengan projek komersial daging arnab yang sedang dalam peringkat pengeluaran awal dapat meningkatkan pengeluarannya. Dengan peningkatan pengeluaran daripada projek-projek komersial ini adalah didapati daging arnab dapat memenuhi permintaan pasaran sekarang kerana didapati permintaan sedang meningkat secara sederhana. Walau bagaimanapun adalah tidak dinafikan bekalan daging di setengah-setengah bandar mungkin berkurangan tetapi ini adalah keadaan sementara dan sebarang pengurangan ini dijangka dapat diatasi dengan segera setelah maklumat pasaran diketahui oleh semua pengeluar.
- (c) Matlamat kempen penggunaan koko adalah untuk mempertingkatkan penggunaan koko tempatan di kalangan pengguna-pengguna tempatan negara terutamanya semasa harga koko yang rendah di pasaran tempatan dan antarabangsa. Adalah diharapkan kempen penggunaan koko dapat menambah penggunaan koko tempatan di kalangan penduduk-penduduk Malaysia yang kini penggunaan, perkapitanya adalah dirasakan masih rendah berbanding dengan negara-negara maju. Matlamat kempen ini juga menggalakkan syarikat-syarikat pengilang koko mengeluarkan barangan koko bagi penggunaan tempatan dan seterusnya mengurangkan pergantungan eksport biji koko di pasaran dunia.

Tuan Haji Abdul Wajid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setelah kempen penggunaan koko ini dijalankan, saya ingin penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apakah harga koko ini telah mula nampak meningkat.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk mengesan tentang kenaikan harga koko ekoran daripada kempen minuman koko yang dilancarkan oleh Kementerian baru-baru ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Kempen koko, selain daripada "kempen koko tarik" yang menjadi unsur terpenting menangnya Menteri berkenaan menjadi Naib Presiden UMNO, apakah lagi kempen-kempen yang berkaitan dengan koko ini dijalankan? Adakah cadangan daripada Kementerian Yang Berhormat untuk mengurangkan import pemakanan/minuman daripada luar negeri seperti Ovaltine dan lain-lainnya?

Tuan Hohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan koko ini diminum sebelah pagi dan selepas makan tengah hari dan selepas makan malam.

Mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat adakah Kementerian akan mengurangkan import minuman-minuman lain, pihak Kementerian akan mengkaji tentang persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

SEKOLAH AKHLAK

16. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perpaduan negara dan Pembangunan Masyarakat terdapat penghuni sekolah membentuk akhlak bagi mereka yang di bawah umur setelah tamat menjalankan hukuman mahkamah enggan balik ke rumah ibu bapa mereka. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas penghuni tersebut. Berapa ramai penghuni yang telah bebas di seluruh negara.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes yang disebutkan itu jarang berlaku. Walaupun demikian, jika terdapat kes-kes seperti ini pihak sekolah akan cuba menempatkan mereka dengan saudara-maranya yang sesuai ataupun dengan bakal majikan yang sanggup memberi mereka perlindungan, jagaan dan pekerjaan. Mereka juga akan diselia oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat tempatan bagi satu tempoh masa.

Bilangan juvana yang dibebaskan dari Sekolah Akhlak bagi tempoh 5 tahun adalah seperti berikut:-

1985 - 330

1986 - 357

1987 - 382

1988 - 463

1989 - 454

BAHASA MALAYSIA - PENGGUNAAN DI MAHKAMAH

17. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kehakiman menyatakan hingga kini, apakah kemajuan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah:

- (a) jumlah kes yang dibicarakan dalam Bahasa Malaysia;
- (b) penggunaan Bahasa Malaysia oleh para Peguam; dan
- (c) program di mahkamah-mahkamah di semua peringkat bagi jangka panjang.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya terangkan apabila menjawab soalan yang agak sama dalam Dewan ini pada 17hb Disember 1990, adalah terlalu awal untuk membuat penilaian tentang kemajuan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Walau bagaimanapun, hingga kini jumlah kes yang dibicarakan dalam Bahasa Malaysia telah mencapai 100% di Mahkamah Sesyen dan di Mahkamah Majistret manakala di Mahkamah Tinggi adalah lebih dari 70%.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah pula, kebanyakan peguam-peguam tidak menghadapi apa-apa masalah menggunakan Bahasa Malaysia di dalam sesuatu prosiding. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen II Akta Profesion Undang-undang memperuntukkan bahawa mulai 1 Januari 1984, seseorang yang berkelayakan boleh diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara jika dia telah lulus atau dikecualikan daripada peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia. Dengan itu adalah jelas bahawa semua peguam yang dibenarkan menjalankan amalannya selepas 1 Januari 1984 boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan tidak menghadapi masalah apabila mengambil bahagian di dalam prosiding di mahkamah dengan menggunakan Bahasa Malaysia.

Namun demikian, ada di kalangan peguam yang diterima masuk sebelum 1hb Januari 1984 yang masih lagi belum dapat menguasai Bahasa Malaysia tetapi Majlis Peguam di beberapa negeri telahpun mengadakan kelas Bahasa Malaysia bagi ahli-ahli yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah telah juga mewujudkan program jangka panjang bagi memajukan penggunaan Bahasa Malaysia dengan:-

- (i) menerbitkan daftar istilah Undang-undang;
- (ii) mengadakan kelas Bahasa Malaysia pada tiap-tiap hari Sabtu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur;
- (iii) mewujudkan beberapa Jawatankuasa Istilah Undang-undang bagi terjemahan kepada Bahasa Inggeris dan Latin ke Bahasa Malaysia;
- (iv) menerbitkan kaedah-kaedah mahkamah daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia; dan,
- (v) sejak 1 Jun 1990, Bahasa Malaysia telah digunakan dalam semua dokumen yang difailkan di mahkamah seperti pernyataan tuntutan, saman, usul dan sebagainya dan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Mahkamah mengeluarkan Kanun Jurnal.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua, dengan soalan asal iaitu mengenai terjemahan. Saya dapati ada sedikit sebanyak keganjalan dalam ejaan dan terjemahan istilah baru Undang-undang. Seperti contoh, perkataan 'juvana', mahkamah juvana -

'j-u-v-a-n-a', di dalam Bahasa Malaysia saya ingat tidak ada perkataan 'v', kita mulakan dengan perkataan 'v' oleh sebab kalau kita ejaan ke jawi, kita tidak boleh dapat ejaan yang tepat - 'j-u-v-a-n-a', mungkin kalau jawi, 'jim-wau-ba-alif-nun-alif' yang berbunyi, 'jubana'¹. Jadi inilah saya minta pihak Kementerian supaya meneliti di dalam menterjemahkan sesuatu istilah Undang-undang, Adakah ini diambil tindakan? Terima kasih.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar di dalam proses menggunakan Bahasa Malaysia dalam proses penterjemahan dan mencari istilah-istilah baru, kadangkala ada istilah-istilah yang janggal ataupun tidak tepat. Ini senantiasanya di dalam perhatian dan penelitian dan akan dibuat pengubahsuaian mengikut nasihat pakar-pakar Bahasa.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kehakiman di atas usaha-usaha ini untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa dalam mahkamah-mahkamah. Saya juga mengucapkan tahniah kerana begitu banyak program yang disediakan dan diprogramkan untuk menentukan bahawa Bahasa Malaysia ini akan terus menjadi bahasa rasmi di mahkamah-mahkamah. Cuma saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri dalam jangkamasa bilakah sepenuhnya Bahasa Malaysia ini akan dijalankan di mahkamah-mahkamah kita dari peringkat rendah sampailah ke peringkat yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, angka yang telah saya berikan kalau kita lihat dalam jangkamasa apabila Akta Bahasa dipinda sehingga sekarang, penggunaan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret sudah 100%, dan Mahkamah

Tinggi sudah 70% dan kalau kita lihat prosiding di Mahkamah Agung sendiri, ada campuran penggunaan di antara Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jadi saya fikir ia akan mengambil masa yang panjang tetapi untuk menetapkan suatu jangkamasa yang tetap, saya tidak dapat memberikan. Tetapi saya percaya dengan kesungguhan yang sedang berlaku di mahkamah, insya Allah ia akan dapat dijalankan dengan jangkamasa yang pendek.

Tuan. Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir bagi soalan ini, silakan.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, maaf suara saya sudah mula seksi kerana batuk. Saya ingin bertanya mengenai penggunaan bahasa di mahkamah juga kepada Menteri yang berkenaan iaitu mengenai bahasa dalam Akta. Kita dapati bahasa dalam Akta menjadi rujukan di mahkamah-mahkamah terlalu berbelit-belit dan masih ada bahasa-bahasa tua, umpamanya perkataan 'oleh dia', 'di atas dia', 'di bawah dia', 'di kanan dia', 'di depan dia', umpamanya bolehlah dibaca seperti yang kita selalu gunakan di Dewan ini. Tidakkah ada cadangan di Kementerian Yang Berhormat, tambanya Yang Berhormat memang bijaksana dalam hal ehwal ini, untuk membetulkan dan memudahkan kefahaman kepada Undang-undang ini supaya ianya tidak berbelit-belit dan kadang-kadang duplikasi- duplikasi perkataan dalam menjelaskan sesuatu makna.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkenaan bahasa, bahasa Undang-undang ini adalah satu bahasa yang mempunyai seninya yang tersendiri, dan keduanya, yang sebenarnya ada penggubal Undang-undang yang bertanggungjawab di Jabatan Peguam Negara dan ada sebab-sebab mungkin kalau kita tidak terlatih di

dalam bidang Undang-undang, mungkin kita lihat bahasanya barangkali berbelit-belit tetapi tujuannya apabila undang-undang itu digubal ialah untuk menentukan kesemua kelonggaran dapat dikurangkan supaya pertikaian dapat dikurangkan. Keduanya kalau boleh dimudahkan, insya Allah kita akan mencari jalan untuk memudahkan lagi penggunaan bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

GAS ASLI - PEMBEKALAN KE SINGAPURA

18. Puan Law Jack Yoon [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Singapura akan menggunakan gas semulajadi dari Malaysia untuk menghasilkan kuasa elektrik untuk kegunaan Singapura sebagai langkah mengurangkan pergantungan pada petroleum pada akhir tahun 1991:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh kedua-dua Kerajaan berkenaan mengenai bekalan gas semulajadi dari Malaysia ke Singapura;
- (b) memandangkan bahawa harga petroleum telah naik berikutan dari Krisis Teluk, adakah Malaysia, sebagai sebuah negara pengeksport minyak masih akan bergantung pada petroleum untuk menghasilkan kuasa elektrik; dan
- (c) apakah langkah berkesan yang telah diambil untuk mengurangkan kos elektrik supaya dapat menarik pelabur asing untuk mendirikan kilang di sini.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), Singapura telahpun bersetuju untuk membeli gas asli dari Malaysia

bagi penjanaan elektrik di stesen janalektriknya di Senoko mulai akhir tahun 1991. Satu, Memorandum Persefahaman telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura pada 28 Jun 1988 bagi tujuan pembekalan gas asli tersebut. Rundingan-rundingan lanjut di antara PETRONAS yang mewakili Kerajaan Malaysia dan Public Utilities Board (PUB) yang mewakili Singapura, seterusnya diadakan untuk menyedia deraf Perjanjian Jual-Beli Gas Asli.

Baru-baru **ini**, iaitu pada 24 November 1990, PETRONAS dan PUB telah menandatangani Perjanjian Jual-Beli Gas Asli tersebut. Di bawah perjanjian **itu**, PETRONAS akan membekalkan sebanyak 150 juta kakipadu gas sehari kepada PUB bagi tempoh 15 tahun, mulai akhir tahun 1991.

Sementara itu kerja-kerja pemasangan saluran paip di bawah projek Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat Kedua atau PGU Dua, untuk membawa gas asli dari Terengganu ke Singapura dan juga ke pantai barat Semenanjung Malaysia sedang giat diusahakan oleh PETRONAS dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b), Kerajaan telah mewujudkan dasar mempelbagai sumber tenaga akibat daripada kenaikan harga minyak bahan bakar pada tahun 1970an. Dasar ini masih dilaksanakan dan penggantungan negara kepada petroleum untuk menghasilkan kuasa elektrik telah berkurangan.

Kerajaan telah mengamalkan 'Dasar Empat Bahanapi' atau 'Four Fuel Policy' di mana penjanaan tenaga elektrik tidak bergantung kepada mana satu bahan api tetapi mempunyai ciri kelonggaran untuk mengganti-ganti di antara keempat-empat bahan api iaitu gas, minyak, arang batu dan haidro mangikut keperluan ekonomik, strategik dan ketiadaan sesuatu jenis bahan api,

Oleh yang demikian, Krisis Teluk sekarang tidak menjejaskan kedudukan Tenaga Nasional Berhad seperti semasa krisis minyak pada tahun 1970an kerana Tenaga Nasional Berhad mempunyai flexibility untuk menggantikan minyak dengan bahan bakar lain,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akibat dari strategi empat bahan api, pergantungan Tenaga Nasional Berhad kepada minyak sebagai bahan api telah menurun dari 96% pada tahun 1975 kepada 40.9% pada tahun 1988/89. Pecahan jenis bahan bakar Tenaga Nasional Berhad bagi tahun kewangan 1988/89 adalah seperti berikut:

Minyak	-	40.59%
Gas asli	-	26.04%
Arang batu	-	9.93%
Haidro	-	22.57%

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan (c) sebagai satu langkah membantu industri-industri yang banyak menggunakan tenaga elektrik dalam proses pengeluaran, serta untuk mengurangkan kos pengeluaran masing-masing, Kerajaan telah memperkenalkan skim 'discount electric'¹. Skim ini membantu menjadikan sektor perindustrian negara lebih kompetitif dan membantu syarikat yang mengeksport untuk mencapai daya persaingan di pasaran antarabangsa. Di samping itu, skim ini akan dapat juga mengawal peningkatan harga barangan yang dikeluarkan untuk kegunaan dalam negeri memandangkan kos pengeluaran adalah dikurangkan. Di bawah skim ini, industri-industri pembuatan menikmati kadar tarif elektrik yang rendah, iaitu pengurangan di antara 1-2 sen/KWH (Kilowatt hour) dan dalam bentuk diskaun sebanyak 20% hingga 30% yang diberikan oleh Tenaga Nasional. Kadar bayaran elektrik ini adalah yang terendah jika dibandingkan dengan pengguna-pengguna elektrik yang lain di negara ini dan juga terendah di kalangan negara-negara ASEAN. Kemudahan-kemudahan ini berserta

dengan kemudahan-kemudahan lain dalam sektor industri telah memberi kesan untuk menarik pelabur-pelabur asing menempatkan pelaburan mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir sekali bagi hari **ini**.

Yang Berhormat P. Balaram.

KLINIK/HOSPITAL DI LADANG GETAH

19. Tuan P. Balaram minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri puas hati dengan kedudukan dan kemudahan di klinik-klinik dan hospital-hospital kumpulan (group hospital) di ladang-ladang getah di negara ini; dan
- (b) apakah Kementerian Kesihatan mempunyai apa-apa rancangan untuk meningkatkan lagi mutu rawatan yang terdapat di klinik-klinik dan hospital-hospital ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini kurang berpuas hati dengan kedudukan dan kemudahan di sebilangan hospital-hospital kumpulan di ladang-ladang getah di negara ini.
- (b) Oleh sebab ketidakpuasan hati **itu**, pada masa ini semua hospital-hospital ladang dikehendaki dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 di mana beberapa peruntukan dari segi kemudahan serta bilangan kelayakan kakitangan telahpun ditetapkan. Dengan langkah ini, adalah diharap rawatan yang disediakan di hospital-hospital ladang dapat dipertingkatkan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf. Masa untuk soalan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawap-
an bagi Pertanyaan No.20 hingga 22 adalah diberi di bawah ini]**

MEMBENDUNG ORANG-ORANG TIDAK SIUMAN

20. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tindakan bagi membendung orang-orang yang tidak siuman atau orang-orang yang merempat terdapat merayau-rayau di bandar-bandar (termasuk Melaka) kerana bilangan mereka bertambah dari semasa ke semasa. Keadaan ini memberi gambaran yang menjejaskan imej Tahun Melawat Malaysia.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tindakan yang diambil terhadap masalah pengemis yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:-

- (i) memandangkan bahawa orang ramai di Malaysia. terlalu murah hati dan tidak ragu-ragu untuk memberi sedekah, maka langkah yang penting dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk tidak menggalakkan pengemisan ialah dengan mendidik orang ramai supaya tidak berbuat demikian:
- (ii) di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga kerap menjalankan serbuan-serbuan khususnya di bandar-bandar besar dan pengemis-pengemis yang ditangkap adalah ditempatkan mengikut kedudukannya di dalam Pusat Pemulihan Pengemis, Rumah Orang Tua ataupun Rumah Kanak-kanak yang dikelolakan oleh Jabatan tersebut.

PELANCONG BERPAKAIAN TIDAK SENONOH

21. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah perlu yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah seperti berikut:-

- (a) para pelancong perempuan hanya memakai seluar mandi dan tidak memakai coli beristirihat di tepi-tepi pantai yang boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada penduduk setempat; dan
- (b) pelancong lelaki yang berpakaian tidak senonoh yang hanya memakai seluar pendek, tidak berbaju dan berkasut yang berkeliaran di pusat-pusat bandar.

Dato' Abdul Rahman bin Suliman: Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat para pelancong yang berpakaian tidak senonoh semasa berada di negara ini. Walau bagaimanapun, jumlah para pelancong perempuan yang tidak memakai coli semasa beristirihat di tepi pantai dan para pelancong lelaki yang tidak berbaju berkeliaran di pusat-pusat bandar tidaklah begitu banyak.

Biasanya pada masa ini pihak pengusaha pelancongan seperti pihak hotel, agensi-agensi pelancongan dan juga para pemandu pelancong sentiasa memberi ingatan kepada para pelancong terutama pelancong wanita yang mengunjungi negara ini tentang peraturan, yang mereka perlu memakai coli semasa mandi dan berehat-rehat di pantai-pantai atau di kolam mandi di negara ini supaya tidak bercanggah dengan adat resam dan kebudayaan negara ini.

Walaupun bagaimanapun, suka dinyatakan di sini bahawa tidak mudah untuk mengenakan peraturan yang ketat kepada para pelancong supaya mereka mengikut cara berpakaian yang diamalkan di negara ini, kerana cara yang mereka amalkan sudah menjadi cara hidup mereka. Sungguhpun begitu, Kerajaan berusaha menasihati mereka agar dapat memakai pakaian yang lebih kemas dan sesuai dengan cara yang diterima oleh rakyat negara ini.

AHLI POLITIK DALAM KESATUAN SEKERJA

22. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) sama ada beliau bercadang untuk menyekat ahli-ahli politik memegang atau menjadi ahli jawatankuasa MTUC, MLO dan CUEPACS;
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan acara penerangan besar-besaran untuk memberitahu rakyat tentang tanggungjawab dan peranan Jabatan Buruh dan Jabatan Perhubungan Industri;
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk meminda Undang-undang Buruh yang dikatakan memihak kepada majikan itu.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:

- (a) Kerajaan memang telah ada peruntukan di bawah Akta Kesatuan Sekerja, 1959 yang melarang seseorang yang memegang jawatan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Setiausaha Agung, Timbalan Setiausaha Agung, Bendahari dan Timbalan Bendahari dalam sesebuah badan politik dari memegang sebarang jawatan dalam kesatuan sekerja. Ini adalah untuk mengawasi supaya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak memperalatkan kesatuan mereka untuk kepentingan politik peribadi yang bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja bagi memberi perlindungan dan menjaga kebajikan kaum pekerja. Walau bagaimanapun, bagi ahli-ahli biasa parti politik, mereka dibenarkan menjadi ahli jawatankuasa kesatuan sekerja. Undang-undang

semasa adalah mencukupi untuk mengawasi pergerakan ahli-ahli kesatuan sekerja dan oleh itu Kerajaan tidak bercadang memindanya buat masa sekarang.

Dalam konteks soalan ini saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa kecuali CUEPAC, MTUC dan MLO adalah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan oleh yang demikian, kedua-dua kesatuan sekerja ini adalah di luar penguatkuasaan Akta Kesatuan Sekerja, 1959.

- (b) Adalah tidak perlu bagi Kementerian Sumber Manusia mengadakan penerangan secara besar-besaran kepada rakyat mengenai fungsi, tanggungjawab dan peranan Jabatan Buruh serta Jabatan Perhubungan Perusahaan kerana tugas-tugas kedua-dua Jabatan itu secara umumnya telah diketahui oleh rakyat khususnya pekerja-pekerja.
- (c) Saya ingin menegaskan di sini bahawa undang-undang yang dikuatkuasa tidak memihak kepada mana-mana pihak majikan mahupun pekerja dan oleh itu soal meminda undang-undang buruh seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku.,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kebawah Duli kerana Titah Ucapan kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Kelapan". [19hb Disember, 1990]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung ucapannya.

3.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung daripada mana yang saya berhenti semalam. Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa dasar kenaikan pangkat yang digunakan ialah merit seseorang pegawai itu berasaskan prestasi kerja pegawai-pegawai. Walaupun banyak pegawai-pegawai yang telah memberi khidmat yang sangat memuaskan, tetapi bilangan yang boleh dinaikkan pangkat adalah bergantung kepada kekosongan. Misalnya untuk kenaikan pangkat daripada Pegawai Kastam Tingkatan Biasa ke Tingkatan Kanan, seramai 1,270 calon yang layak, manakala kekosongan hanya ada 77 sahaja. Begitu juga bagi kenaikan pangkat Pegawai Kastam Tingkatan Tertinggi, bilangan calon yang memohon ialah seramai 263, manakala kekosongan hanya sebanyak 32 sahaja. Adalah dimaklumkan juga bahawa dalam proses kenaikan pangkat **ini**, Lembaga Kenaikan Pangkat telah menimbangkan daripada asas merit sahaja dan tidak ada kuota yang dikhaskan untuk satu-satu kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Balaram telah membangkitkan isu penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Sukacita dimaklumkan bahawa berikutan dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 1986 supaya KTM diswastakan, tindakan-tindakan yang wajar telah diambil untuk memperbadankan KTM. Dalam hubungan **ini**, Rang Undang-undang Keretapi iaitu Syarikat Pengganti telah disediakan. Adalah dijangka Rang Undang-undang ini akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi.

Yang Berhormat Senator Isli Haji Siput telah membangkitkan garispanduan penswastaan kepada Kerajaan Negeri. Dalam hal ini adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan

beberapa Pekeliling dan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dasar penswastaaan dan pekeliling serta garis panduan yang berkenaan boleh digunakan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Mohd. Salleh telah membangkitkan tentang elaun perpindahan rumah untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang pada pandangannya ini adalah tidak mencukupi. Beliau meminta perkara ini dikaji semula oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1980, seseorang pegawai yang bertukar ataupun berpindah adalah layak menuntut elaun ataupun kemudahan mengikut kelayakannya seperti berikut:

Perbelanjaan pengangkutan barang-barang yang disokong dengan resit;

Elaun makan yang diberi secara geran;

Bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit;

Pemberian pindahan yang diberi secara geran; dan

Belanja pelbagai seperti cukai lapangan terbang yang disokong dengan resit;

Gantirugi pertukaran matawang asing sebanyak 3% daripada jumlah tuntutan;

Bayaran tempat letak kereta atau tol atau feri yang disokong dengan resit; dan

Belanja dobi yang disokong dengan resit.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan sedang mengambil langkah-langkah untuk menyemak semula kadar-kadar elaun ini dan tindakan ini adalah dalam peringkat terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai nilai ringgit yang dibangkitkan oleh Senator Hajah Habidah binti Jusoh, saya ingin memaklumkan bahawa turun naik nilai ringgit adalah disebabkan oleh kedudukan pasaran. Kerajaan berpendapat bahawa nilai ringgit pada masa ini adalah sesuai dan kompetitif. Ianya dapat membantu mengekalkan prestasi ekonomi negara di samping menjadikan Malaysia pusat tumpuan pelaburan asing. Saya fikir adalah tidak wajar kita selalu menghubungkan nilai ringgit dengan dollar Singapura kerana struktur dan keutamaan negara yang berlainan. Ekonomi Singapura adalah berasaskan kepada ekonomi sektor perkhidmatan manakala negara kita mengutamakan eksport barangan. Daripada itu, secara langsung pengurusan ekonomi negara mestilah berbeza. Saya juga berpendapat bahawa kita tidak perlu ketika ini menghantar pegawai-pegawai untuk belajar sistem kewangan di Singapura kerana kita mempunyai cukup kepakaran untuk mengurus ekonomi negara sendiri termasuk dalam hal merancang dasar kewangan dan fiskal negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah membangkitkan keadaan alat-alat dan kelengkapan di pejabat-pejabat Kerajaan yang didapati terlalu usang dan mencadangkan bahawa alat-alat ini ditukarkan selepas tiga tahun dipakai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memberi perhatian di atas keselesaan pegawai semasa menjalankan tugas. Peruntukan memang disediakan setiap tahun kepada Kementerian ataupun Jabatan untuk menukar alat-alat ataupun kelengkapan yang rosak tetapi penggantian ini tidaklah boleh dibuat sekali gus kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang besar juga. Penggantian perkakas ataupun alat-alat pejabat adalah bergantung kepada keadaan alat-alat ataupun perkakas itu dan tidak mengikut tahun seperti yang dicadangkan itu.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak juga telah membangkitkan di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal-pembekal. Kadang-kadang pihak Akauntan Negara menolak baucar di atas kesilapan yang kecil sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, pembayaran mestilah dibuat dengan teratur. Oleh itu jika ada kesilapan di atas baucar maka baucar itu perlulah dibetulkan. Pihak Akauntan Negara memang berusaha untuk merabayar kepada pihak yang berkenaan dengan secepat mungkin. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan mengambil perhatian di atas teguran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah membangkitkan cadangan Bank Negara supaya mengurangkan pinjaman oleh warganegara asing bagi membeli hartanah di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara telahpun mengeluarkan arahan kepada bank-bank dan syarikat kewangan bahawa semua individu bukan pemastautin dan juga syarikat-syarikat yang dikawal oleh bukan pemastautin yang ingin membeli hartanah di Malaysia, tidak boleh diberikan kemudahan pinjaman oleh institusi-institusi kewangan di negara kita ini. Sebaliknya mereka hendaklah membawa masuk sumber kewangan dari luar negeri bagi tujuan tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa negara mendapat faedah daripada pembelian yang dibuat oleh mereka melalui perolehan wang asing. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memastikan peluang pinjaman untuk rakyat tempatan adalah tidak terjejas. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bagi pembelian hartanah untuk punca-punca yang boleh mendatangkan tukaran wang asing seperti hotel dan perkilangan, pertimbangan boleh diberi oleh pihak Bank Negara Malaysia bagi mereka mendapatkan pinjaman tempatan. Dalam kes projek perhotelan, misalnya, mereka boleh meminjam sehingga 50%.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan saya di atas perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kementerian saya iaitu Kementerian Kewangan. Sekiranya terdapat beberapa perkara yang saya tidak dapat sentuh, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan di Dewan ini akan diberi perhatian yang cukup oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri daripada Kementerian Kesihatan untuk memberikan jawapan.

3.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa teguran dan pandangan yang dibangkitkan ke atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin telah menyebut tentang peruntukan khas diberi kepada rawatan penyakit kanser dengan cara preventive. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit kanser telah dimulakan beberapa tahun yang lalu. Aktiviti-aktiviti ini termasuk pengesanan yang awal di klinik-klinik melalui saringan kanser pangkal rahim dengan menggunakan pap-smear, memberi rawatan atau menjalankan pembedahan di hospital-hospital dan juga pendidikan kesihatan kepada orang ramai mengenai penyakit kanser.

Aktiviti-aktiviti ini adalah diintegrasikan di dalam perkhidmatan promosi kesihatan dan perkhidmatan rawatan yang sedia ada dan peruntukan Belanjawan Mengurus Tahunan digunakan bagi aktiviti-aktiviti ini. Peruntukan tambahan bagi mencegah penyakit kanser akan dipertimbangkan apabila perlu dari masa ke semasa.

Mengenai kekurangan pakar cytologists di mana hanya terdapat dua orang pakar sahaja di bidang tersebut di hospital-hospital di negara ini. Adalah dimaklumkan bahawa di masa ini terdapat 17 orang pakar kaji penyakit iaitu pathologists yang layak serta mempunyai pengalaman luas untuk menjalankan perkhidmatan sycologist. Mereka ditempatkan di hospital-hospital di seluruh negara. Untuk butir-butirnya; Hospital Besar Kuala Lumpur terdapat 4 orang, seorang untuk Hospital Besar Kota Baru, seorang untuk Hospital Besar Pulau Pinang, seorang untuk Hospital Besar Ipoh, seorang untuk Hospital Daerah Taiping, seorang untuk Hospital Besar Johor Bahru, dua orang di Hospital Besar Alor Setar, seorang di Hospital Besar Seremban, seorang di Hospital Besar Kuala Terengganu, seorang di Hospital Besar Klang, seorang untuk Hospital Besar Melaka, seorang untuk Hospital Besar Kuching dan akhirnya seorang untuk Hospital Besar Sibuluan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon pula telah menyebut tentang promosi kesihatan di luar bandar. Adalah dimaklumkan bahawa kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan di luar bandar di antaranya ialah kesihatan ibu dan kanak-kanak, pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit, pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit, kawalan mutu makanan dan juga pelajaran kesihatan.

Mengenai pertambahan pesakit jantung dan AIDS, Kementerian Kesihatan sentiasa menyedari mengenai keadaan semasa penyakit-penyakit termasuk penyakit jantung dan AIDS. Oleh itu,

pihak Kementerian telah mengadakan beberapa kempen mengenai penyakit-penyakit tersebut dan juga telah mempertingkatkan pelajaran kesihatan melalui ceramah-ceramah, risalah-risalah, media-massa dan lain-lain. Di samping itu, Kementerian juga telah menyediakan satu kempen khas untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit-penyakit yang berhubungkait dengan gaya hidup manusia seperti penyakit jantung, AIDS, kanser, penyakit kelamin dan lain-lain. Kementerian Kesihatan juga telah mengedarkan lebih daripada 4 juta risalah-risalah dan poster-poster mengenai penyakit AIDS. Selain daripada itu, Kementerian juga telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah dan mengawal merebaknya penyakit AIDS seperti penyaringan semua darah yang diderma, melatih doktor-doktor dan kakitangan dan memberi pendidikan kesihatan mengenai penyakit AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad telah menyentuh mengenai hospital baru di Sibu, Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Hospital Baru Sibu dibiayai di bawah pinjaman Bank Pembangunan Asia. Tawaran membinanya telah diluluskan oleh pihak berkuasa Perbendaharaan Malaysia dan baru-baru ini oleh Bank Pembangunan Asia. Kerja pembinaan akan bermula tidak lama lagi. Projek itu dijangka akan siap dibina pada penghujung tahun 1993. Kos pembinaannya ialah sebanyak \$104.9 juta.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia **ini**, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput wakil daripada Kementerian Pertahanan.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang terhormat Senator Tiong Hiew King, Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah binti Mohd. Akim, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak dan Yang Berhormat Senator Dol bin Dolah yang telah menyentuh berkenaan dengan hal ehwal Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King

mengesyorkan supaya lapanganterbang lama dibina semula untuk dijadikan tugu peringatan anggota-anggota tentera yang telah terkorban semasa menjalankan tugas, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lapanganterbang lama di Sungai Besi masih lagi digunakan secara aktif oleh Tentera Udara Di-Raja Malaysia. Oleh **itu**, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk melaksanakannya kerana Tugu Peringatan Negara telahpun sedia ada yang berfungsi untuk mengingati jasa-jasa pahlawan yang telah terkorban.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh telah menyentuh mengenai kadar elaun anggota tentera khususnya bantuan elaun sewa rumah. Masalah kekurangan rumah kediaman dan elaun perumahan untuk anggota tentera memang disedari oleh Kementerian Pertahanan.

Mengikut perancangan Ketajaan dijangka akan dapat menyediakan rumah secukupnya bagi anggota tentera dalam tempoh 10 tahun yang melibatkan Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh. Penyediaan rumah-rumah ini diambil bagi meninggikan lagi taraf penghidupan anggota tentera selaras dengan peranan dan taraf mereka.

Mengenai cadangan supaya elaun bantuan sewa rumah, suka dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji semula kadar-kadar berkenaan yang berkuatkuasa sekarang untuk menentukan sama ada kadar-kadar tersebut adalah memenuhi kehendak semasa.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa menyedari masalah-masalah kebajikan bagi bekas anggota pasukan keselamatan dan selalu memberi bantuan dari segi

kewangan, biasiswa dan sebagainya khasnya kepada balu dan anak-anak anggota pasukan keselamatan yang telah meninggal dunia. Setengah-setengah keadaan pula, mereka dijadikan anak angkat kepada unit-unit tentera tempat bapa mereka bertugas. Kepada bekas anggota yang masih hidup, pihak Kementerian sentiasa menghubungi dan mengambil tahu masalah mereka dan di mana yang perlu bantuan akan dihulurkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dol bin Dolah, sukacita dimaklumkan bahawa Unit Risik Angkatan Tentera sentiasa berwaspada dan menjalankan tugas setiap masa, walaupun ancaman komunis sudah tiada lagi berikutan dengan perletakan senjata Parti Komunis Malaya. Unit Risik Angkatan Tentera juga sering berhubung rapat dengan Cawangan Khas Polis Di-Raja Malaysia untuk mengikuti perkembangan semasa dalam semua aspek dari segi aktiviti-aktiviti komunis, subversif, pengintipan dan sabotaj yang mungkin berlaku.

Mengenai latihan kepada anggota tentera, suka saya memaklumkan bahawa anggota tentera adalah sentiasa berlatih secara komprehensif termasuk keupayaan menentang ancaman komunis.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah Mohd. Akim, sukacita saya jelaskan bahawa Kerajaan memang sedar atas jasa-jasa Angkatan Tentera kepada Negara. Justeru **itu**, langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan sebuah tapak yang tetap, yang sempurna untuk mendirikan sebuah muzium Angkatan Tentera yang sempurna dan boleh dibanggakan dan perkara tersebut masih dalam pertimbangan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

3.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas ucapan beberapa Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Ucapan Titah Di-Raja tempoh hari. Saya telah dapati tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara khusus Kementerian Penerangan. Namun Yang Berhormat Senator Ainon, Yang Berhormat Senator Rogayah, Yang Berhormat Senator Hajah Habidah, Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail di dalam membahaskan Kementerian-kementerian lain telah menyentuh Kementerian Penerangan, RTM dan Televisyen Malaysia secara sepintas lalu dalam beberapa perkara.

Berkenaan etika pengiklanan yang diseutuh oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan memang sudah mempunyai satu kod iklan yang lengkap sejak tahun 1983 lagi. Oleh kerana kod etika juga perlu mengikut perubahan dan kehendak masa, kod iklan yang terbaharu telah digubal dan telahpun digunapakai oleh RTM mulai 1hb Oktober, 1990. Skop kod iklan ini mencakupi semua aspek yang penting seperti menjaga sensitiviti kaum, agama dan juga budaya, memelihara identiti Malaysia, menggariskan sekatan peranan wanita, kanak-kanak dalam pengiklanan dan lain-lain bidang selalu daripada menjaga kesopanan dan kesusilaan penyiaran.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah juga menetapkan supaya Kementerian Penerangan menyediakan kod etika

penyiaran yang lebih meluas meliputi semua siaran bagi mengawal aktiviti-aktiviti penyiaran oleh media-media elektronik dengan bermatlamat antara lain untuk memastikan agar media elektronik negara dapat menyumbang kepada pembentukan satu masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia lagi progresif termasuk di dalam penyiaran-penyiaran iklannya.

Satu Jawatankuasa di peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri telah dilantik untuk tugas yang saya nyatakan tadi.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, membangkang kawalan pengiklanan adalah masih longgar. Saya menyedari bahawa masih ada lagi pihak-pihak lain yang di luar Dewan ini yang merasakan kawalan pengiklanan RTM masih longgar.

Suka saya maklumkan bahawa dari aduan-aduan yang kami terima dari kritik yang didapati dalam akhbar-akhbar tempatan tidak kurang juga pihak-pihak yang merasakan bahawa kawalan Iklan RTM adalah terlalu ketat dan menuntut supaya dilonggarkan. Di sini Kementerian Penerangan menyedari bahawa ianya tidak mudah memuaskan semua pihak pada setiap masa, sesuai dengan ungkapan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, you can please all the people sometimes, you can please some people all the time, but you cannot please all the people all the time.

Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini menyedari bahawa ia perlunya komited untuk membantu mewujudkan antara lain masyarakat yang berakhlak mulia. Suka saya nyatakan kod iklan yang baru wujud ini akan dipatuhi kerana ianya komprehensif dan berupaya untuk memelihara bukan sahaja mutu iklan, malahan kesopanan dan budaya mengikut ciri-ciri ketimuran kita.

Mengenai siaran-siaran iklan yang mengecewakan rakyat, seperti mengiklan mineral water yang kemudiannya didapati sebagai mineral water tiruan, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa RTM tidak pernah membuat sebarang liputan penyiaran iklan mengenai mineral water.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan' Ainon Ariffin telah meminta supaya siaran media elektronik memberi penerangan kepada masyarakat umum tentang penyakit kanser, khususnya yang mudah menyerang kaum wanita. Adalah dimaklumkan memang menjadi dasar RTM untuk memberi pendidikan seluas-luasnya kepada masyarakat, bukan melalui TV sahaja, tetapi juga melalui ruang-ruang radio. Ini jelas kelihatan, umpamanya, daripada 28 buah rancangan radio 1 - "Halaman Wanita", 9 daripadanya adalah berkaitan dengan barah termasuk penyakit barah rahim. Melalui program TV, umpamanya, RTM memang ada menyiarkan penerangan dari masa ke semasa oleh pakar-pakar penyakit kanser dalam rancangan seperti "Selamat Pagi Malaysia" pada pagi Jumaat dan "Selamat Pagi Malaysia" pada hari Ahad.

Kementerian Penerangan menyedari bahawa sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang, TV harus memainkan peranan dalam menyedarkan rakyat di atas bahayanya penyakit barah yang perlunya dikesan dan dirawat diperingkat awal. Yang Berhormat rakan saya juga, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telahpun, bagi pihak Menterinya, dari segi Kementeriannya, pada hari semalam dan sebentar tadi menjawab soalan-soalan yang timbul pada beberapa hari ini.

Adalah menjadi tugas saya pula untuk menjaminkan Ahli Yang Berhormat bahawa program-program pendidikan, khususnya, program-program pendidikan kesihatan ini diteruskan dalam media elektronik, khususnya media elektronik Kerajaan untuk memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat dari yang sekaya-kaya hingga yang paling daif...

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah di atas penghargaan dan pujian terhadap peranan yang dimainkan oleh Pegawai-pegawai Penerangan di bawah Kementerian ini di dalam menegakkan Kerajaan yang sedia ada dalam pilihanraya yang lalu. Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, negara dan rakyat di negara ini sangat beruntung dan bertuah mempunyai Pegawai-pegawai yang dedikasi dan ini meliputi bukan sahaja Pegawai-pegawai Kementerian Penerangan, malahan Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan di lain-lain Jabatan yang kommitted terhadap majikan mereka iaitu Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan popular pilihan rakyat dan sekali gus menyuburkan demokrasi Berparlimen di negara kita yang tercinta.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyumbang ke arah memperbaiki mutu khidmat Kementerian ini, khususnya RTM, dalam masa perbahasan Ucapan Di-Raja tempoh hari. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput wakil dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menjawab.

4.03 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan atas Titah Di-Raja dalam Dewan ini ,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Mohd. Saleh telah bertanya sama ada terdapat garis panduan kepada pelancong-pelancong asing mengenai peraturan pakaian di negara ini memandangkan ramai pelancong-pelancong asing yang berpakaian tidak senonoh semasa melawat negara ini. Adalah dimaklumkan bahawa kita tidak mempunyai garis panduan mengenai peraturan pakaian kepada pelancong-pelancong asing sebagai langkah menghindar perkara yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat para pelancong asing yang berpakaian tidak senonoh semasa berada di negara ini. Walau bagaimanapun jumlahnya tidaklah begitu ramai. Biasanya pada masa ini pihak pengusaha pelancongan seperti pihak hotel, agensi-agensi pelancongan dan juga para pemandu pelancong sentiasa memberi peringatan kepada para pelancongan mengenai adat resam terutama pelancong wanita yang berkunjung ke negara ini.

Walaupun bagaimanapun suka dinyatakan di sini bahawa tidak mudah untuk menggunakan peraturan yang ketat kepada para pelancong supaya mereka mengikut cara berpakaian yang diamalkan di negara ini, kerana cara yang mereka amalkan sudah menjadi cara hidup mereka. Sungguhpun begitu, Kerajaan melalui pihak-pihak yang terlibat dengan industri pelancongan sentiasa berusaha menasihati mereka agar dapat memakai pakaian yang lebih kemas dan sesuai dengan cara yang diterima oleh rakyat di negara ini.

Mengenai saranan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Habidah Jusoh, supaya Kementerian mengada dan menitikberatkan pertunjukan kesenian di merata dunia sebagai langkah menarik pelancong ke negara ini, suka dinyatakana bahawa perkara ini memanglah diamalkan oleh

Kementerian sekarang ini. Di dalam setiap misi galakkan pelancongan yang dibuat di luar negeri, rombongan atau kumpulan kesenian akan juga ikut serta bagi mengadakan persembahan kesenian dengan acara-acara yang diadakan. Di samping itu kesenian rakyat Malaysia juga diperkenalkan melalui bahan-bahan promosi pelancongan di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1990 beberapa misi galakkan pelancongan telah diadakan, umpamanya ke Jepun, ke Taiwan, ke Korea, ke Australia, ke New Zealand dan negara-negara Eropah seperti Austria, Germany, United Kingdom dan lain-lain. Di samping itu saya juga ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, selain dari rombongan atau misi galakan pelancongan, cara-cara lain juga penting dibuat, di antaranya ialah:-

- (i) penyertaan di pameran-pameran antarabangsa;
- (ii) penyertaan di seminar dan konvensyen antarabangsa;
- (iii) pengiklanan dengan media massa di pasaran-pasaran tertentu;
- (iv) pengedaran bahan-bahan pelancongan;
- (v) Meningkatkan hubungan awam dan menggalakkan lebih ramai lagi penulis-penulis akhbar dan majalah-majalah pelancongan untuk datang ke Malaysia dan balik ke negara masing-masing membuat hebahan di negara mereka melalui akhbar negara mereka sendiri; dan
- (vi) menggalakkan pembikin ataupun pembuat-pembuat filem luar negeri membuat pengatnbaran berdasarkan lokasi-lokasi indah di Malaysia ini.

Suka ditegaskan di sini bahawa perbelanjaan bagi memperkenalkan negara di seluruh dunia adalah tinggi. Oleh itu di dalam memperkenalkan negara kepada pelancong-pelancong, hanya pasaran-pasaran pelancongan yang terpilih sahaja yang akan dititikberatkan, selaras dengan peruntukan kewangan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kesenian negara juga ditonjolkan oleh kumpulan-kumpulan swasta yang mengadakan pertunjukan kesenian di luar negeri bagi sesuatu acara atau dijemput oleh sesuatu pihak di luar negeri. Di samping itu Kerajaan Negeri dan pihak swasta juga memainkan peranan yang utama di dalam memperkenalkan kesenian negara kepada rakyat asing di luar negeri melalui misi-missi perdagangan atau pelaburan yang diadakan, di mana mereka akan membawa bersama kumpulan-kumpulan kesenian bagi mengadakan persembahan kesenian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya inginlah bagi pihak Yang Berhormat Menteri memberi jaminan iaitu kami akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi memastikan industri pelancongan negara kita terus berkembang maju dengan lebih pesat lagi. Kami berterima kasih di atas perangsang, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah menyebabkan industri pelancongan telah menampilkan hasil yang lumayan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menjawab.

4.80 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Memandangkan bahawa Kementerian ini baharu diwujudkan, segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian yang serius dan diambil kira dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa perpaduan negara harus menjadi panduan asas yang penting dalam usahanya untuk mencapai sebuah negara yang aman, stabil dan makmur. Atas kesedaran ini, Kerajaan baru-baru ini telah mewujudkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk meningkatkan lagi perpaduan dan kebajikan rakyat. Tujuan Kementerian baru ini ialah untuk menyelaraskan dan melaksanakan program supaya mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduk-penduduknya yang berbilang kaum dan agama, bersatu padu, berkualiti, berdikari dan mengamalkan budaya ihsan.

Berhubung dengan soal perpaduan kaum yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun saya setuju bahawa tindakan perlu ditingkatkan ke arah tujuan ini, saya rasa bahawa kita juga harus berbangga dengan tahap perpaduan yang telah dicapai sejak kemerdekaan.

Kejayaan Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang aman dan bersatupadu adalah ternyata jika dibandingkan dengan lain-lain negara. Perpaduan merupakan satu proses yang akan memakan masa. Tanggungjawab untuk mencapai tujuan tersebut merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh setiap rakyat. Dalam hubungan ini cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah baik dan akan diusahakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Dasar Wanita Negara. Suka saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk memastikan bahawa Dasar tersebut akan dilaksanakan dengan berkesan supaya semua golongan wanita yang layak sama ada di bandar atau luar bandar dapat menikmati program dan perkhidmatan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan satu Tabung Amanah untuk organisasi-organisasi wanita, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berpendapat bahawa buat masa ini Tabung tersebut tidak diperlukan, memandangkan bahawa bantuan untuk organisasi-organisasi wanita akan ditingkatkan dan disalurkan melalui Kementerian baru ini.

Berhubung dengan penganiayaan kanak-kanak, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

sedar bahawa masalah sosial ini adalah serius dan memerlukan tindakan yang tegas.

Sebagaimana yang kita maklum setakat ini beberapa tindakan telahpun diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Di antaranya ialah:

Menggubal Rang Undang-undang Akta Perlindungan Kanak-kanak yang telah dibentangkan pada peringkat Bacaan Kali Yang pertama dalam Mesyuarat Parlimen pada sesi ini. Di samping itu Kementerian ini juga telah mengambil beberapa tindakan seperti menjalankan Kempen Keluarga Bahagia untuk memperkukuhkan institusi keluarga.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga berpendapat bahawa gejala sosial ini tidak dapat diatasi tanpa penyertaan orang ramai ke arah ini. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menggembeling bantuan dan kerjasama orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Dalam hubungan ini saya suka mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk merayu pada orang ramai dan semua pihak yang berkenaan supaya maklumat tentang kejadian kes-kes seperti ini dilaporkan dengan serta-merta kepada Kementerian supaya tindakan dapat diambil dengan segera untuk menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masalah penganiayaan kanak-kanak akan dikawal dengan rapi oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara berterusan.

Berhubung dengan Rukun Tetangga ia adalah merupakan satu pertubuhan kejiranan yang boleh digunakan untuk menyampaikan

maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan. Oleh yang demikian Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat yang berasingan tidaklah perlu lagi.

Pada masa ini adalah dirasakan Jawatankuasa Rukun Tetangga memadai untuk menjelaskan dasar-dasar Kerajaan serta mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan. Selain daripada itu juga dapat Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Daerah di rana masalah-masalah dapat disalurkan pada Kerajaan.

Mengenai cadangan supaya memberi kuasa lebih kepada Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk mengawal ancaman dadah, memang tidak dinafikan bahawa Jawatankuasa Rukun Tetangga telahpun memainkan peranan sewajarnya dalam usaha membentaras ancaman dadah. Di antara program-program yang telahpun dilaksanakan ialah memberi penerangan pencegahan dan geraksaraf iaitu melalui ceramah, kursus sivik, pameran dan sebagainya. Melalui aktiviti ini masyarakat setempat didedahkan dengan pengetahuan mengenai ancaman dan bahaya dadah. Selain daripada itu pengedaran risalah serta poster-poster anti dadah juga diedarkan kepada penduduk tempatan.

Jawatankuasa Rukun Tetangga juga membantu pihak Polis mengambil tindakan-tindakan ke atas mereka yang terlibat dengan pengedaran, penjualan dan penagihan dadah. Program ini melibatkan Jawatankuasa dan penduduk-penduduk kawasan dan sektor Rukun - Tetangga dalam aktiviti mengawasi dan melaporkan pada pihak Polis tentang kegiatan-kegiatan dadah yang berlaku dalam kawasan dan sektor mereka. Oleh itu dirasakan bahawa Jawatankuasa Pukun Tetangga telahpun diberi tanggungjawab serta berkeupayaan untuk memainkan peranan dalam

usaha membantu membanteras masalah ancaman dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput wakil daripada Kementerian Perusahaan Awam untuk memberikan jawapan tidak mahu menjawab. Wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4. 16 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin merakamkan sebanyak-banyak terima kasih di atas perhatian yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahas Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Senator Tuan Chong Chi Siong, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Senator Ng Pay Hay telah membahaskan beberapa perkara berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chong Chi Siong telah membangkitkan cadangan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan Pegawai Undang-undang untuk kampung-kampung baru. Beliau juga menyarankan supaya kakitangan bukan

bumiputera di Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah ditambah supaya penduduk-penduduk kampung dapat menikmati kemudahan dan mengukuhkan perpaduan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pegawai dan kakitangan yang ada sekarang di peringkat Kementerian dan juga di peringkat Negeri serta Pejabat Daerah atau Majlis Daerah adalah mencukupi bagi menjaga kepentingan-kepentingan penduduk di kampung-kampung yang dimaksudkan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai 60 orang pegawai Kemajuan Perkampungan yang ditempatkan di semua Pejabat Daerah di Semenanjung Malaysia. Mereka dipertanggungjawabkan untuk membantu pihak Pejabat Daerah dalam urusan pentadbiran harian di pejabatnya dan juga dalam urusan penyediaan pengawasan pelaksanaan projek-projek pembangunan sosio ekonomi di kampung-kampung di bawah jagaannya. Di samping itu juga mereka memainkan peranan sebagai penggerak utama dalam menyelaras serta menyelia pelaksanaan projek-projek pembangunan dan membantu memajukan pemikiran dan sikap di kalangan masyarakat kampung. Ini bertujuan memupuk semangat menyintai negara dan kekitaan serta perpaduan masyarakat kampung. Mereka juga turut terbabit dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Megara, Rukun Tetangga, Pejabat Kebajikan, PEMADAM dan sebagainya dalam program sosio ekonomi di peringkat daerah. Oleh hal yang demikian, Kementerian ini tidak bercadang bagi mengadakan Pegawai Undang-undang untuk kampung-kampung dan menambah bilangan kakitangan

bukan bumiputera di Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah memandangkan jentera pentadbiran di Pejabat Daerah atau Majlis Daerah adalah memadai dalam urusan pentadbiran yang berkaitan dengan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon ada membangkitkan mengenai kekurangan tanah pertanian untuk bercucuk tanam yang dialami oleh penduduk kampung dan mencadangkan supaya diadakan rancangan-rancangan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan menang sedar tentang masalah kekurangan tanah pertanian untuk bercucuk tanam yang dialami oleh penduduk di beberapa kawasan penempatan seperti di kampung-kampung yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat .

Kebanyakan tanah di kawasan-kawasan yang tersebut merupakan tanah persendirian ataupun tanah yang telah diluluskan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti estet atau ladang yang mengeluarkan hasil yang sungguh berguna kepada negara. Walau bagaimanapun Kementerian sering berunding dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menyediakan tanah lapang bukan sahaja bagi tujuan pertanian tetapi juga dalam sektor perindustrian ringan di sempadan kawasan kampung-kampung sebagaimana yang dipergiatkan pada masa kini di beberapa negeri. Perlu ditegaskan bahawa peluang-peluang pekerjaan adalah terbuka kepada semua rakyat negara kita dan terpulanglah kepada penduduk-penduduk kampung untuk merebut peluang-peluang tersebut.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay dari Melaka mengenai status dan peranan penerima atau receiver yang lebih memihak kepada pemegang-pemegang saham dan creditors daripada pembeli-pembeli, sukalah saya meuyebutkan di sini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bertanggungjawab melantik penerima dan Kementerian juga tidak terlibat dalam industri perhotelan. Penerima adalah dilantik melalui, dua cara iaitu mengikut Aturan 30 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 biasanya oleh institusi kewangan yang menjadi pembiaya projek. Mengikut aturan tersebut seseorang penerima yang dilantik

mestilah memberikan jaminan yang diluluskan oleh mahkamah untuk memberi akaun dengan wajar tentang apa yang diterima olehnya sebagai penerima dan memperlakukannya sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

Dan kedua, melalui, dengan izin debenture deed di bawah Akta Syarikat 1965 di mana kuasa-kuasa yang perlu dipatuhi oleh penerima disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Sekarang saya menjemput wakil daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menjawab.

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan ke atas Titah DiRaja mengenai Kementerian Pembangunan Tanah dan Pembangunan Koperasi di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh telah membangkitkan mengenai budaya kerja cemerlang di mana sehingga kini masih terdapat jabatan Kerajaan yang tidak berpajabat disesebuah negeri dan kerja-kerja dilaksanakan oleh jabatan yang sama tetapi bertempat di negeri lain.

Mengenai dengan perkara ini sukacita saya menjelaskan bahawa oleh kerana beban kerja pengukuran dan pemetaan di Negeri Perlis

tidak begitu banyak maka kerja-kerja tersebut boleh dilaksanakan dan dikendalikan dengan cemerlang oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Kedah/Perlis yang berpejabat di Kulim Kedah.

Ahli Yang Berhormat Senator P. Balaram telah membangkitkan mengenai kenaikan pangkat Kumpulan D di Jabatan Ukur Kedah/Perlis di mana hanya satu kaum sahaja yang berjaya di dalam kenaikan pangkat tersebut walaupun terdapat kaum yang lain juga terlibat dan beliau sendiri pernah memberi surat sokongan kepada mereka **itu**.

Berhubung dengan perkara ini sukacita saya menjelaskan bahawa peluang, kenaikan pangkat adalah terbuka kepada semua kakitangan tanpa mengira kaum. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti laporan prestasi tahunan, kekananan pegawai berkenaan dan prestasi semasa temuduga. Ketiga-tiga faktor ini akan menentukan seseorang calon itu berjaya atau sebaliknya untuk dinaikkan pangkat dan bukannya faktor kaum atau surat sokongan luar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan syor dan teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mana menyentuh tentang pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi diucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan insya Allah segala pandangan yang berkenaan akan diberi perhatian dan yang mana difikirkan sesuai akan dilaksanakan dalam usaha memberi manfaat bagi pembangunan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan.

4.25 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah DiRaja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin ada menyentuh mengenai peranan Majlis Fatwa Kebangsaan kerana keengganan pihaknya mengeluarkan fatwa-fatwa tertentu manakala pihak parti PAS kerap kali mengeluarkan fatwa-fatwa terutama semasa menjelang pilihanraya baru-baru ini.

Sebenarnya apa Ahli Yang Berhormat sebutkan sebagai fatwa oleh parti PAS itu bukanlah fatwa tetapi ia lebih merupakan pandangan atau pendapat persendirian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak berkenaan yang berkuasa mengeluarkan fatwa di peringkat negeri ialah Majlis-majlis Fatwa Negeri masing-masing. Fatwa yang dikeluarkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri yang diwartakan adalah tertakluk dari segi undang-undang keatas semua orang Islam di negeri tersebut. Oleh itu Majlis Fatwa tidak mengeluarkan fatwa dengan sewenang-wenangnya tetapi hanya terikat dan bertanggungjawab dalam perkara-perkara besar terutama yang menyentuh akidah umat Islam di negara ini.

Berkaitan dengan Al-Arqam, pihak berkuasa agama Islam negeri dan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri telah

mengambil tindakan mengharamkan ajaran tarikat pegangan Al-Arqam. Mengenai apa yang dikatakan Al-Arqam memanipulasikan kaum wanita, jika ia merupakan suatu ajaran agama yang bertentangan dengan hukum syarak maka tindakan boleh diambil di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Memandangkan perkara-perkara negatif seumpama itu belum lagi wujud maka tidak ada tindakan tertentu diambil setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Isli bin Haji Siput supaya diwujudkan satu garis panduan terhadap kuasa-kuasa agensi Kerajaan yang terlibat di dalam pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan suka saya menyatakan bahawa perkara ini wujud mengikut peranan agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut.

Pertamanya Jabatan Perdana Menteri, Wilayah Persekutuan Labuan adalah bertindak sebagai agensi penyelaras mengenai keseluruhan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan dari segi fizikal, perancangan dan pembangunan.

Kedua, Majlis Perbandaran Labuan bertanggungjawab bagi meluluskan permohonan bagi projek-projek perumahan, kompleks-komplek perniagaan dan semua pembangunan fizikal Labuan.

Ketiga, Jabatan Kerjaraya bertanggungjawab ke atas pembangunan jalanraya dan bekalan air serta melaksanakan projek-projek Kerajaan seperti pembinaan sekolah dan hospital.

Keempat, Jabatan Laut bertanggungjawab ke atas pembangunan dan kemudahan di Pelabuhan Labuan.

Dan kelima, Jabatan Penerbangan Awam bertanggungjawab mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Hajah Habidah binti Jusoh supaya kuasa polis diberi kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk membanteras perbuatan-perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan pilihanraya, perlu dinyatakan bahawa cadangan ini tidak dipersetujui pada masa ini. Sebagaimana termaklum, kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang patut dikekalkan kepada pihak polis kerana mereka mempunyai organisasi dan mekanisme yang lengkap dan teratur bagi tujuan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan pilihanraya.

Berhubung dengan kajian semula had maksima perbelanjaan pilihanraya, saya menyatakan bahawa had maksima perbelanjaan yang ditetapkan sekarang iaitu sebanyak \$50,000 untuk calon Parlimen dan \$30,000 untuk calon Dewan Undangan Negeri telah berkuatkuasa dan digunakan dalam dua Pilihanraya Umum yang lalu iaitu Pilihanraya Umum 1986 dan 1990. Adalah didapati kadar tersebut berpatutan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, sukalah saya memaklumkan, pembersihan daftar pemilih merupakan satu proses yang dijalankan secara berterusan. Memang Suruhanjaya Pilihanraya sedar terdapat sedikit kelemahan pada Daftar Pemilih yang ada sekarang terutama dari segi pengedaran nama dan kad pengenalan, nama-nama orang yang telah meninggal dunia masih ada dalam daftar dan kelemahan-kelemahan yang lain.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Beberapa tindakan yang diambil secara berterusan untuk membaiki daftar tersebut. Walau bagaimanapun, daftar pemilih yang **ada**, tidak akan bersih jika tidak ada kerjasama daripada orang ramai. Adalah mustahak orang ramai membantu Surahanjaya Pilihanraya bagi mewujudkan daftar pemilih yang bersih dan peranan mereka di antaranya adalah seperti berikut. Pertama, tidak mendaftar lebih dari sekali terutama apabila mereka berpindah. Apa yang perlu dilakukan ialah memohon bertukar alamat, menyemak daftar pemilih apabila ianya dipamerkan kepada orang ramai untuk tujuan tuntutan dan bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan dasar penswastaan, setakat ini Kerajaan telah dan akan mengeluarkan maklumat-maklumat mengenai penswastaan di sektor awam untuk pengetahuan orang ramai yang antara lain mengenalpasti aktiviti-aktiviti tertentu dalam agensi-agensi Kerajaan yang akan diswastakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian supaya sistem maklumat dan pengenalan dasar penswastaan kepada orang ramai akan benar-benar memberi kesan positif.

Berkenaan dengan persoalan yang dikemukakan oleh Senator Habidah binti Jusoh supaya Kerajaan dicadangkan melantik ketua-ketua satu-satu kumpulan jemaah daripada pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan diberi elaun khas bagi menjamin keselesaan dan keselamatan jemaah Haji sendiri, bagi menentukan jemaah Haji berada dalam keadaan selesa dan selamat di Tanah Suci, Tabung Haji pada setiap tahun ada menghantar dua rombongan ke Tanah Suci bersama-sama jemaah Haji iaitu rombongan kebajikan dan rombongan perubatan. Bagi musim Haji, 1410 Hijrah seramai 598 orang anggota kedua-dua rombongan itu telah dihantar bertugas di Tanah Suci. Anggota rombongan-rombongan itu sentiasa bersama-sama jemaah Haji semasa mereka di Jeddah,

Mekah, Madinah, Arafah dan Mina. Di Madinah, bagi setiap zon perumahan yang memuatkan 2,000 orang jemaah Haji adalah kira-kira seramai 14 orang anggota rombongan kebajikan dan perubatan yang bertanggungjawab terhadap mereka pada setiap masa, manakala di Mekah setiap 1,500 orang jemaah Haji dijagai sepanjang masa oleh 10 orang anggota rombongan tersebut. Dengan yang demikian, Kerajaan berpuas-hati dengan tahap perkhidmatan yang berkenaan oleh Tabung Haji kepada jemaah Haji bagi menjamin keseliaan dan keselamatan mereka di Tanah Suci. Dengan **itu**, tidak perlulah dilantik pegawai-pegawai Tabung Haji bagi mengetuai setiap kumpulan jemaah Haji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Balaram telah membangkitkan tentang berlakunya pertindihan bahagian pilihanraya dengan pentadbiran daerah. Perlu dijelaskan bahawa pertindihan ini memang tidak dapat dielakkan. Ini disebabkan prinsip yang digunakan dalam urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya tidaklah mengikut daerah pentadbiran. Dalam menjalankan urusan persempadanan semula bahagian pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya adalah berpandu kepada prinsip-prinsip yang diberikan dalam Seksyen 2, Bahagian 1, Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai urusan kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan, peraturan dan kriteria tertentu perlu diikuti bagi satu-satu jawatan itu. Pada amalannya pihak berkenaan, antara lain mengambil kira faktor-faktor merit, kekananan, kepakaran dan sikap positif seseorang pegawai itu tanpa mengira kaum di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Mohd. Saleh bertanya dari jumlah 153 jemaah Haji meninggal dunia dalam kes Muasseim terdapat seorang wanita yang didakwa oleh suaminya bahawa isterinya itu masih hidup. Adakah pihak Lembaga

Tabung Haji mengenalpasti mangsa tersebut? Jawabnya kami telah mengenalpasti. Soalan yang dikemukakan juga oleh Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah berkenaan dengan adakah Lembaga Tabung Haji telah menggunakan sejenis alat untuk mengenalpasti mangsa tragedi. Mangsa-mangsa tragedi di Terowong Muasseim itu dikenalpasti melalui gambar mayat, senarai nama di Ibu Pejabat Polis Mina dan Hospital, barang-barang dokumen si mati di Pejabat Polis Mina dan Hospital, perbandingan cap jari si mati dengan contoh cap jarinya yang ada pada kad peribadi yang disimpan oleh Tabung Haji. Tiada sebarang alat lain yang digunakan bagi maksud itu.

Selain dari cara-cara di atas, mereka telah juga dikenalpasti melalui senarai nama kematian yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi, senarai nama jemaah Haji hilang yang disediakan oleh Tabung Haji, laporan kematian oleh orang-orang yang mengetahui kematian itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad semasa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja telah menyentuh mengenai penganjur jemaah Haji swasta dan orang tengah yang mengendalikan jemaah Haji ke Tanah Suci. Setiap kali bila sampai musim Haji seringkali kedengaran jemaah Haji yang terkandas penerbangan mereka akibat perbuatan penganjur-penganjur swasta yang tidak berdaftar dengan Tabung Haji. Aktitivi orang tengah ini mengutip \$100 hingga \$150 dari setiap jemaah Haji dengan membolehkan wakil pengutip wang pergi percuma ke Tanah Suci. Jemaah Haji yang mengikut penganjur-penganjur ini terpengaruh dengan kempen-kempen mereka yang kalau tidak dibendung akan menjejaskan prestasi Kerajaan mengendalikan jemaah Haji. Apakah Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap penganjur-penganjur tersebut? Sebenarnya sejak beberapa tahun yang lepas, Kerajaan telah mengambil tindakan bagi menghalang berlakunya

penganjur jemaah Haji swasta mengendalikan jemaah tanpa kelulusan

Tabung Haji, Di antara tindakan yang telah diambil ialah:

- (i) meminta Kerajaan Arab Saudi supaya tidak mengeluarkan visa haji kepada rakyat Malaysia selain dari di Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur sahaja. Di tahun-tahun yang lampau rakyat Malaysia boleh mendapatkan visa haji di Kedutaan Arab Saudi di negara-negara lain seperti di Mesir, Karachi, Bangkok dan lain-lain. Syukur alhamdulillah, hasil dari tindakan tersebut pihak berkuasa Arab Saudi telah menghentikan pada sebahagian besarnya pengeluaran visa haji pada rakyat Malaysia di negara-negara lain.
- (ii) Kerajaan Malaysia juga telah meminta Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur mengeluarkan visa haji kepada rakyat Malaysia hanya kepada mereka yang akan menggunakan penerbangan MAS dan SAUDIA.

Dengan tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi kejadian penganjur-penganjur swasta membawa jemaah Haji ke Tanah Suci tanpa kelulusan Tabung Haji telah berkurangan. Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa terdapat lagi segelintir penganjur-penganjur swasta yang masih meneruskan aktiviti membawa jemaah Haji tanpa kelulusan Tabung Haji dengan:

- (i) membawa mereka melalui Bangkok dan sebagainya;
dan
- (ii) membawa jemaah Haji sebelum musim Haji dengan menggunakan visa umrah dan terus tinggal di

Tanah Suci sehingga musim haji walaupun visa umrah mereka telah luput.

Kerajaan Malaysia akan terus mempergiatkan lagi usaha menghalang penganjur-penganjur yang terlibat itu dengan kerjasama pihak berkuasa Arab Saudi sehingga masalah itu dapat dibendung sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator Dol bin Dollah menyentuh supaya ditubuhkan satu badan perunding mengenai pelaburan di Unit Perancang Ekonomi yang juga merangkumi ahli-ahli dari Unit Perancang Ekonomi Negeri-negeri, tujuan penubuhan badan ini adalah untuk mengadakan perancangan dan penyelarasan pelaburan secara lebih teratur, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini sudah terdapat Unit Perancang Ekonomi mekanisme, perancangan yang melibatkan semua negeri-negeri bagi memastikan segala aspek pembangunan diambil kira secara bersepadu. Ini juga meliputi aspek pelaburan. Walau bagaimanapun, cadangan dari Yang Berhormat akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Itam Wali bin Nawan menyentuh tentang Titah Ucapan Di-Raja di antara lain memberi penjelasan mengenai beberapa aspek penswastaan. Kami telah mengambil perhatian terhadap perkara yang dibawa.

Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah binti Mohd. Akim menyentuh dan mengulas mengenai wanita bekerja malam dan penyertaan wanita di dalam Ujian Tilawatul-Al-Quran. Untuk makluman Yang Berhormat, pekerja-pekerja wanita yang bekerja malam adalah tidak bertentangan dari segi Islam selagi tugas-tugas tersebut tidak menimbulkan fitnah. Kedua, penyertaan wanita di dalam Ujian Tilawatul Al-Quran adalah tidak bercanggah dengan dasar Islam kerana program tersebut adalah semata mata untuk meninggikan syiar Islam di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuauku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan" atas nama Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan" atas nama Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun disetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN)****Bacaan Kali Yang Kedua****4.41 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1991 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan permulaan tahun 1991 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1991 diluluskan kelak oleh kedua-dua Dewan dan mendapat persetujuan Di-Raja pada tahun hadapan. Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102(a) Perlembagaan.

Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan jumlah wang sebanyak \$6,003,436,020 yakni angka yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan bagi tempoh empat bulan yang pertama tahun 1991. Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu. Perbelanjaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidaklah termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak dikehendaki untuk diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan adalah mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 52(3) diputuskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketika dan diluluskan sekarang.

Dato' K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Masaalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG-PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 dan 1990)(No.2)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.45 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,068,084,310.00 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 seperti yang ditunjukkan di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kelima 1989 adalah berjumlah \$1,343,312,527.00. Dari jumlah ini sebanyak \$600,000,000.00 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$743,312,527.00 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang bertanggung kepada Perbekalan Undang-undang tersebut.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut sebanyak \$600 juta adalah dikehendaki dibawah Maksud B.30 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kelima 1989 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1990 adalah berjumlah \$468,280,810.00. Dari jumlah ini sebanyak \$468,084,310.00 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini di mana sebanyak \$90,878,719.00 adalah diperlukau berikutan daripada penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi yang berkuatkuasa mulai 27 Oktober, 1990 iaitu selepas penubuhan Kabinet baru. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membolehkan Kementerian ataupun agensi yang terlibat dengan penyusunan semula membuat penyelarasan akaun tahunan bagi tahun 1990. Maklumat lanjut mengenai peruntukan tambahan yang melibatkan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian ataupun agensi adalah di-

kan mengikut maksud bekalan masing-masing.

Sebanyak \$196,500.00 lagi adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut :

Tambahan sebanyak \$98.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan bagi membiayai perbelanjaan berikut :

Sebanyak \$18.6 juta untuk menjalankan latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang terlibat dengan pengajaran mata-pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dan Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah dan Kursus Peningkatan Keilmuan Profesionalisma Perguruan bagi guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Dua Tanggagaji Perkhidmatan Guru.

Sebanyak \$ 22.3 juta adalah untuk menampung pelaksanaan Kadar Baru Bantuan Perkapita kerana kadar lama tidak dapat memenuhi keperluan sekolah-sekolah.

Sebanyak \$ 1.6 juta adalah untuk menampung pembelian peralatan bagi pelaksanaan Kemahiran Manipulatif di sekolah-sekolah rendah . Peralatan-peralatan tersebut amat diperlukan bagi membolehkan murid-murid menggunakan daya kreatif mereka untuk membuat sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$16.3 juta adalah untuk membiayai pembayaran tunggakan elaun lebih masa kepada kakitangan tertentu di sekolah menengah dan rendah. Sebanyak \$4.0 juta adalah untuk diberi sebagai bantuan kepada Institusi-institusi Pengajian Tinggi bagi menampung bayaran tunggakan elaun lebih masa, kenaikan gaji kakitangan universiti dan lain-lain,

Tambahan sebanyak \$68.2 juta adalah dikehendaki di bawah maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk menampung perbelanjaan berikut . Sebanyak \$67.7 juta adalah untuk membayar balik wang pendahuluan yang dibuat oleh LPN dari sumber kewangannya sendiri bagi membayar subsidi harga padi akibat daripada kekurangan peruntukan tahun bagi tempoh 1980 hingga 1988. Sebanyak \$0.5 juta adalah untuk perbelanjaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dicarumkan kepada Kumpulan Wang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana. Tujuan tabung ini diwujudkan ialah untuk memoden dan mempertingkatkan keupayaan industri kecil dan sederhana melalui empat skim yang telah dipersetujui dengan jumlah peruntukkan setiap satu seperti berikut : Skim Kajian Kemungkinan \$5 juta, Skim Pembangunan Reka Rentuk dan Produk - \$20 juta; Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti \$20 juta; dan Skim Pembangunan Pemasaran - \$5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$37.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan untuk menampung perbelanjaan berikut sebanyak \$2.4 juta adalah untuk program lawatan mesra dan bekalan susu tepung penuh krim kepada kanak-kanak kurang zat makanan dan miskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Sebanyak \$1.5 juta adalah untuk langkah-langkah kawalan wabak taun di Kelantan dan Sabah dan bagi kawalan wabak demam kepialu di Kedah dan Johor.

Sebanyak \$0.6 juta adalah untuk Program Kawalan dan Pencegahan Penyakit AIDS,

Sebanyak \$2.2 juta adalah untuk Program Pengesanan Penagihan Dadah Melalui Ujian Air Kencing.

Sebanyak \$12 juta adalah untuk menampung kenaikan harga dan kegunaan ubat-ubatan.

Sebanyak \$185 juta adalah untuk bayaran tunggakan Elaun Khidmat Awam dan Elaun Pakar Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$34.6 juta adalah dikehendaki bagi Maksud B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam untuk membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi yang berkuatkuasa mulai 27.10.1990. Agensi-agensi yang diambilalih oleh Kementerian Perusahaan Awam ialah MARA dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Pembangunan Usahawan dari Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan sebanyak \$31.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Kementerian Tanah dan Pembangunan operasi berikutan penyusunan semula tugas-tugas kementerian/Agensi yang berkuatkuasa mulai 27.10.1990.

Agensi-agensi yang telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Pihak Berkuasa Pekebun-Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$28.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai Pasukan Polis DiRaja Malaysia bagi meningkatkan keupayaannya menjamin keadaan ketenteraman awam serta mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Tambahan sebanyak \$26.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Awam untuk membiayai sumbangan kerajaan kepada akaun stok penimbal getah bagi Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa. Sumbangan tersebut adalah untuk membiayai pembelian getah yang dibuat oleh Pengurus Stok Penimbal (INPO) bagi menstabilkan harga getah.

Tambahan sebanyak \$16 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.21 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menampung kekurangan peruntukkan perbelanjaan Mengurus Program ~~Melawat~~ Malaysia 1990.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$10.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai perbelanjaan berikut: sebanyak \$4.7 juta adalah untuk menampung perbelanjaan tambahan bagi menganjurkan kursus dan latihan kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya mengikut keperluan pindaan Akta Pilihanraya dan pembelian alat-alat kelengkapan. Sebanyak \$2.9 juta adalah untuk menampung pembelian komputer bagi meningkatkan keupayaan komputer di Suruhanjaya Pilihanraya. Sebanyak \$1.7 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum Negeri Sabah pada bulan Julai 1990 dan sebanyak \$1.1 juta adalah untuk menampung perbelanjaan tunggakan Elaun Khidmat Awam kakitangan Kumpulan A, B, C dan D termasuk kakitangan sambilan, elaun kehormat bagi pegawai-pegawai yang menjalankan tugas urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih dua kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$ 9.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.9 Jabatan Perangkaan untuk membiayai

kerja-kerja persediaan Banci 1991 dan Banci Percubaan. Banci Percubaan telah dijalankan pada bulan Ogos 1990 manakala Banci 1991 akan dilaksanakan pada bulan Ogos 1991.

Tambahan sebanyak \$9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.42 Jabatan Percetakan Negara untuk membiayai perbelanjaan berikut: sebanyak \$3.1 juta adalah bagi menampung perbelanjaan Cawangan Percetakan Keselamatan bagi tempoh 1.1.1990 hingga 30.4.1990. Mulai 1.5. 1990 CPK telah menjadi menjadi sebuah entiti swasta.

Sebanyak \$5 juta adalah bagi menampung perbelanjaan percetakan borang-borang Kastam 1 dan 2 untuk Jabatan Kastam dan lain-lain dokumen penting Kerajaan, dan sebanyak \$0.9 juta adalah bagi menampung bayaran tunggakan Elaun Khidmat Awam.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membayar balik premium kepada Ascot Sports Sdn. Bhd setelah syarikat berkenaan mengembalikan lesen perjudian kepada Kerajaan.

Tambahan sebanyak \$6.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.58 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian ini yang baru diwujudkan berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian, agensi yang berkuatkuasa mulai 27.10.1990 iaitu tahun **ini**.

Tambahan sebanyak \$5.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.61 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi membiayai perbelanjaan mengurus berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari Kementerian Dalam Negeri mulai 27hb Oktober 1990.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$4.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.53 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi mulai 27hb Oktober 1990. Agensi yang dipindahkan ke Kementerian ialah Jabatan Pembangunan Koperasi.

Tambahan sebanyak \$4.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi mulai 27hb Oktober 1990. Agensi-agensi yang diambilalih oleh Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri ialah Unit Tenaga Nuklear, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$4.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52 - Kementerian Kerja Raya untuk perbelanjaan berikut: sebanyak \$1.9 juta untuk membiayai pembelian komputer mikro bagi mempercepatkan proses penyediaan bayaran kemajuan kontrak dan pengurusan punca-punca pembangunan. Sebanyak \$1.6 juta untuk menampung semua pembelian kereta baru ataupun menggantikan kereta lama bagi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Sebanyak \$0.8 juta untuk menampung

perbelanjaan bagi menganjurkan Pertandingan Ketukangan pada bulan Jun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$4.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membiayai perbelanjaan bagi penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang baru di Vietnam, perbelanjaan kerana pertukaran pegawai/kakitangan di pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri, bayaran 'fee' perkhidmatan kepada SIRIM, bayaran emolument kepada pegawai kakitangan MIDA, pembelian kereta dan Sistem 'Barco' untuk Bilik Gerakan/Persidangan.

Tambahan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.60 Jabatan Perpustakaan Negara untuk membiayai perbelanjaan mengurus berikutan jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam penyusunan semula tugas Kementerian Agensi mulai 27hb Oktober 1990.

Tambahan sebanyak \$1.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.44 Kementerian Penerangan untuk membiayai pembelian kenderaan dan alat-alat kelengkapan di bawah Program Perkhidmatan Penerangan dan Perkhidmatan Penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai aktiviti-aktiviti tertentu yang telah dikenalpasti di bawah Program Belia, yang turut melibatkan Majlis Belia Malaysia dan Majlis-majlis Belia Negeri.

Tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.59 Jabatan Perpaduan Negara untuk membiayai perbelanjaan mengurus berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari Jabatan Perdana Menteri dalam

penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi mulai 27hb Oktober 1990.

Tambahan sebanyak \$1.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.28 Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Pembangunan Langkawi yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1990.

Tambahan sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk pembelian peralatan bomba bagi Pasukan Bomba Sukarela yang telah dikenalpasti kawasannya dan juga untuk menggantikan alat-alat yang telah rosak yang digunakan oleh pasukan bomba sukarela yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$0.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.15 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa untuk membayar tunggakan gaji, elaun khidmat awam, pembelian alat hawa dingin dan kenderaan serta membiayai program baru iaitu Program Pengawasan dari Penyelarasan Taman Awam.

Tambahan sebanyak \$0.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.51 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas Kementerian/Agensi mulai 27hb Oktober 1990. Agensi-agensi yang berkenaan ialah Bahagian Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1990 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud, yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.08 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990 dan Kumpulan Wang Disatukan (Perbekalan Maauk Akaun) 1990.

Pembentangan Rang Undang-undang itu ialah bertujuan untuk membenarkan beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1989 dan 1990 serta peruntukan dibuat untuk perbelanjaan dalam tahun 1991 bagi tempoh dari 1hb Januari 1991 sehingga tarikh Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1991 menjadi Undang-undang dan mula berkuatkuasa. Oleh itu saya turut menyokong kepada kedua-dua Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri. Kita difahamkan bahawa Malaysia telah memperolehi pendapatan tambahan sebanyak \$2.36 billion dari jualan petroleum dalam tempoh bulan Ogos hingga Oktober tahun ini kerana peningkatan pengeluaran petroleum dan kenaikan harganya berikutan krisis Teluk. Gembiralah kita kerana mendapat pendapatan tambahan yang lebih dari eksport barangan itu, tetapi hati kita agak gundah gulana ketika kita melihat harga petroleum di pasaran tempatan pun turut naik. Kenaikan harga petroleum di pasaran tempatan adalah kurang tepat dan tidak boieh diterima. Kita sedang berusaha menggalakkan pertumbuhan sektor industri dan juga pembuatan. Kerajaan kita akan terus meningkatkan prestasi eksport barangan Malaysia.

Usaha-usaha akan terus dibuat untuk meningkatkan pengeluaran menerusi peningkatan produktiviti, menambah keberkesanan, serta mengurangkan kos demi untuk memperkuatkan daya persaingan barangan kita di pasaran antarabangsa. Kerana penguatkuasaan dan kesan hukum tawaran dan permintaan, harga petroleum naik di pasaran antarabangsa. Negara dapat memperolehi keuntungan lebih dari jualan barangan itu. Kita setuju kita tidak keberatan, tetapi Kerajaan membenarkan harga petroleum di pasaran tempatan turut dinaikkan. Langkah ini kurang tepat, kerana langkah ini akan mengakibatkan peninggian kos pengeluaran barangan kita dan dengan yang demikian, menyebabkan barangan kita tak mampu menyaingi barangan luar negeri. Jadi, langkah ini bertentangan dan menghalangi usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi eksport barangan Malaysia. Selain itu, harga barangan akan dinaikkan kerana kenaikan harga petroleum, akhirnya rakyat kita, pengguna-pengguna kita akan mengalami kerugian demi untuk meningkatkan daya persaingan barangan kita di pasaran antarabangsa dan juga demi untuk melindungi dan memelihara kepentingan pengguna yang boleh menikmati barangan kita dengan harga lebih murah, saya mendesak Kementerian-kementerian yang berwajib supaya segera mengambil tindakan untuk menurunkan harga petroleum tempatan ke paras serendah yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit perkara-perkara yang berkaitan termasuk B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Walaupun kita ketahui bilangan pelancong mengunjungi Malaysia pada tahun 1990 telah meningkat, tak boleh dinafikan bahawa Negeri Thai lebih berjaya dalam sektor pelancongan

berbanding dengan negara kita. Di Negeri Thai berbagai-bagai bahasa digunakan secara bebas, ditutur dan dipakai dalam poster-poster, risalah-risalah, majalah-majalah pelancongan untuk menemui keperluan pelancong-pelancong. Umpamanya, bagi pelancong-pelancong dari Jepun kita harus sediakan risalah-risalah dan majalah bahasa Jepun atau Inggeris. Kita harus sanggup bertutur bahasa Jepun atau Inggeris. Orang-orang Eropah boleh memahami sekurang-kurangnya bahasa Inggeris, selain bahasa negerinya. Mereka akan berasa susah bergaul atau fahami kita kerana bahasa yang berlainan. Demi untuk menggalakkan perkembangan sektor pelancongan, kita boleh mengikut contoh Negeri Thai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya menimbulkan ialah perkara yang berkaitan Kementerian Pengangkutan. Sepertimana yang diketahui, jumlah kemalangan jalanraya di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Dalam catatan Jabatan Pengangkutan Jalan, terdapat 3.4% dari 22 juta berbagai jenis kenderaan didaftarkan terbabit dalam kemalangan di jalanraya bagi tempoh 1985 hingga 1989. Dari kes-kes kemalangan itu, kita dapati pula bahawa kebanyakan kejadian ini adalah berpunca daripada pemandu sendiri. Ada pemandu kenderaan bersikap 'congga bongga' merajai jalan tanpa menghiraukan kenderaan lain yang hendak berlalu.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, apa perkataan itu yang ayat sebelum daripada itu, tak terang perkataannya. Apa perkataan itu, cuba ulang sekali lagi.

Tuan Tiong Hiew King:Dari kes kemalangan itu, kita dapati pula bahawa kebanyakan kejadian ini adalah berpunca daripada pemandu sendiri. Ada pemandu kenderaan bersikap 'congga bongga' merajai jalan.....

Tuan Adam bin Kadir: Congga bongga!

Tuan Tiong Hiew King: Ya, tanpa menghiraukan kenderaan lain yang hendak berlalu. Ada yang gemar memandu laju kerana bergaya, kerana mabuk atau lain tanpa mempedulikan perbuatannya boleh menyebabkan kenderaan lain berhampiran atau pejalan-pejalan kaki mengalami kemalangan. Ada yang dilihat memandu dengan gopoh, seperti tak pernah mengetahui atau tak pedulikan tatacara peraturan di jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan usaha Kerajaan mempercepatkan perkembangan pemodenan sistem jalanraya dan penambahan kenderaan pun pesat kerana kemampuan rakyat meningkat. Sekiranya sikap atau tingkah laku pemandu yang tersebut di atas itu tidak diberi perhatian dan langkah-langkah yang sesuai tidak diambil sejajar dengan perkembangan itu, suasana lalulintas akan lebih malang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin membuat beberapa saranan kepada Kementerian Pengangkutan seperti berikut:

- (1) Pemeriksaan kenderaan dan enjinnya harus kerap dilakukan. Umpamanya, kenderaan yang telah berusia beberapa tahun harus diperiksakan fungsinya sekali setahun atau dua, atau ditetapkan selepas berjalan 15 tahun atau 20 tahun kenderaan bermotor itu tak boleh dipakai (no more road worthy).
- (2) Denda yang tinggi, tetapi dikenakan setimpal dengan kesalahannya.
- (3) Bolehkah kita menimbangkan bahawa setelah beberapa kali melakukan kesalahan kecil atau serius atau dikenakan denda, lesen memandu mereka itu akan dibatalkan untuk

selama-lamanya atau ditarik balik buat beberapa tahun lamanya.

- (4) Calon-calon pemandu dikehendaki mempelajari skop ilmu pengetahuan pemanduan yang luas dan memperolehi kemahiran memandu sebelum dapat diberi lesen memandu.
- (5) Perondaan Polis dipergiatkan lagi. Jika Polis Peronda boleh meronda bergilir-gilir dan bergerak bersama lalu-lintas. Jika pihak Polis dapat mengesan kelajuan kenderaan dengan cara apa juga, langkah itu mungkin boleh memberikan kesan spontan kepada pemandu supaya mereka memandu dengan berperaturan dan berhati-hati.
- (6) Di negeri-negeri Eropah Utara lampu besar di depan kenderaan dipasangkan walaupun di siang hari. Menurut orang-orang Eropah, dengan demikian kemalangan di jalan-raya dapat dielakkan atau setidak-tidaknya dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara Pendidikan. Langkah-langkah berkenaan harus diambil segera atau secepat boleh untuk membetulkan keadaan yang ada sekarang. Pertama, perkara Ujian Khas Bahasa Malaysia untuk pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang mendapat 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Perkara ini sengaja diadakan sehingga menjadi satu isu yang berbau politik, pada halnya Kerajaan kita, terutama Kementerian Pendidikan harus memberi penerangan atau maklumat secukupnya kepada rakyat sepanjang tahun ini sebelum ia menjadi satu isu yang boleh menimbulkan perbalahan atau pertikaian kerana kesilapan atau kelalaian pihak Kementerian Pendidikan.

Maka perkara ini menjadi satu isu yang boleh dipergunakan untuk diperalatkan oleh pihak tertentu terutama pihak Pembangkang yang sentiasa berusaha sedaya upaya memancing sokongan dan undi dari rakyat. Peluang yang emas ini bagi mereka untuk mencemarkan parti-parti Pemerintah dan membangkitkan perasaan ketidakpuasan atau bertentangan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat Menteri tidak tetap. Percakapan mereka masing-masing pun berlainan. Pada permulaannya, pelajar yang mendapat 6A tidak dibenar melanjutkan pelajaran terus ke tingkatan satu. Kemudian kerana bantahan yang kuat dari ibubapa pelajar, Kementerian mengubah pendapatnya dan menghendaki mereka yang mendapat 6A menduduki Ujian Khas Bahasa Malaysia sebelum dibenar melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu. Alasan-alasan yang diberi oleh Kementerian kurang meyakinkan. Adakah Kementerian fikirkan akibatnya semacam ini akan tertimbul jika perubahan ketetapan dibuat dengan tergesa-gesa. Apakah langkah itu tidak membangkitkan perasaan syak wasangka dan kesangsian? Adakah ia akan melukai hati murni pelajar?

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghapuskan segala kekeliruan atau kesalah tafsiran dan perasaan syak wasangka, ingin saya buat susulan kepada Kementerian Pendidikan bahawa:

- (a) Kementerian harus mengambil dan melaksanakan satu dasar yang flexible yakni membenarkan pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang mendapat 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah melanjutkan pelajaran terus ke tingkatan satu di Sekolah Menengah, Kebangsaan.

Pada hemat saya, walaupun penggunaan Bahasa Malaysia mereka boleh jadi agak rendah dari pelajar cemerlang Sekolah Rendah

Kebangsaan, namun begitu, kemampuan berbahasa Melayu dan IQ mereka yang mendapat 6A itu tidak mungkin lebih rendah pencapaiannya daripada rakan-rakan yang mendapat D atau E dalam ujian Sekolah Rendah Kebangsaan. Kemungkinan besar, mereka yang mendapat 6A dalam UPSR itu dapat mengejar, catch up with and overtake, dengan izin, pelajar yang datang dari Sekolah Rendah Kebangsaan dalam pembelajaran matapelajaran-matapelajaran bahkan memperolehi prestasi yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Atau pelajar-pelajar darjah 6 dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dibenarkan menduduki ujian Bahasa Melayu yang disediakan untuk pelajar-pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan bagi mengukur dan menguji taraf penguasaan berbahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ingin saya membangkitkan ialah institut-institut pengajian tinggi kita harus terbuka kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk mengikuti. Jika universiti tempatan tidak cukup untuk menampung lebih banyak pelajar yang lebih berkelayakan maka boleh didirikan satu atau dua lagi universiti atau kampus dan kursus-kursus penting seperti perubatan, perawan kejuruteraan dan sebagainya diperbanyakkan kerana negara kita memerlukan banyak lagi tenaga manusia yang berilmu tinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yakni mengenai jangka masa tinggal yang dibenarkan kepada orang-orang asing. Banyak aduan telah saya terima dari orang-orang Korea dan Jepun. Mereka mengadukan bahawa mereka hanya dibenarkan tinggal di Sarawak selama 3 bulan dan selepas 3 bulan mereka dikehendaki keluar dari negeri

kita atau memohon semula visa kemasukan. Langkah yang ketinggalan zaman itu harus dibatalkan kerana ia telah menghalang atau bertentangan dengan usaha-usaha Kerajaan baik untuk meningkatkan perdagangan kita di negara-negara asing mahupun untuk menggalakkan perkembangan sektor pelancongan kita.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, orang-orang Jepun atau Korea itu adalah ditugaskan oleh syarikat-syarikat mereka atau majikan mereka untuk menjalankan perniagaan atau merundingkan bekalan barangan dari kita atau menjalankan tugas memeriksa barangan dan menentukan segala kehendak perjanjian dipatuhi. Langkah saya sebut tadi adalah sesuatu yang menyusahkan mereka. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya orang-orang asing yang datang atas tujuan perdagangan umpamanya orang Korea dan orang Jepun boleh diberi visa masuk perjalanan berkali-kali selama setahun untuk memudahkan mereka menunaikan tugas atau kerja masing-masing.

Tuan Yang di-Pertuan sekian ucapan saya. Sekali lagi saya ucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Kumpulan Wang Disatukan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, nampaknya ucapan Tuan Tiong ini tidak adalah gundah gulana macam dia kata pada awal-awal tadi. Jadi, saya buka lagi. Dato' Azumu bin Tak.

5.27 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merujuk kepada P.15 Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan amat sukacita mendengar daripada Kerajaan tadi bahawa sejumlah \$0.8 juta telah dibelanjakan untuk pengawasan taman-taman awam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita ketahui, kebanyakan taman-taman awam di negara ini dijaga oleh Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran dan saya ingin tahu dengan perbelanjaan yang begini besar di manakah taman-taman awam yang dijaga oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara Kementerian Kerja Raya, sebanyak \$1.6 juta dibelanjakan untuk membeli kereta-kereta baru untuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah apabila pesanan dibuat oleh Kerajaan melalui ejen-ejen Mercedes di negara ini maka biasanya keutamaan diberi kepada Kerajaan untuk menempah kereta ini sungguhpun kadangkala ada orang-orang awam yang membuat pesanan terlebih dahulu tetapi oleh kerana keutamaan diberi kepada Kerajaan maka diberi kereta itu kepada Kerajaan dahulu. Saya berharap supaya Kerajaan tentang perkara ini bersabar apabila membuat pesanan dengan begitu banyak sekali gus supaya orang-orang awam juga diberi peluang jika orang awam itu telah membuat pesanan dahulu maka ianya patutlah, first come first served supaya tidak mengganggu pesanan yang telah dibuat oleh orang-orang awam itu.

Tuan Yang di-Pertua, buat kali pertamanya pada tahun yang lalu, Kementerian Kerja Raya telah menganjurkan pertandingan pertukangan dan sungguhpun ianya telah berjaya tetapi yang mendukacitakan hadiah yang diberikan kepada pemenang-pemenang itu tidaklah begitu memuaskan. Jika ianya akan diadakan juga pada tahun hadapan, diharap masalah hadiah ini difikirkan supaya ianya sesuai dengan pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian tersebut.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana menubuhkan dan menguruskan semula begitu banyak Kementerian-kementerian di dalam negara ini dengan tujuan supaya ianya dapat diselenggarakan dengan baik di dalam kerja-kerja jabatan-jabatan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian-kementerian baru ditubuhkan, kita perhatikan pejabatnya tidak tentu, tidak tahu di mana dan juga Kementerian yang berkenaan terpaksa mencari bangunan-bangunan baru, menyewa dan sebagainya.

Yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah apabila sebuah Kementerian itu mendapati bahawa agensi-agensi di bawahnya mempunyai begitu ramai kakitangan, maka ia berkehendakkan kawasan yang lebih luas, pejabat yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dapat tempat yang baru, maka Kementerian ini akan berpindah ke tempat yang baru dan jabatan yang kecil yang ada di bangunan ada itu terpaksa mencari tempat yang lain dan Kementerian yang baru ini akan pindah ke bangunan yang disewanya yang baru itu.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah perbelanjaan-perbelanjaan untuk memindah Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan itu amatlah tinggi.

Pada hari ini semua jabatan-jabatan Kerajaan ada komputernya dan kebanyakan komputernya adalah 'on line' dengan jabatan-jabatan lain dengan pejabat-pejabat dia di kawasan-kawasan yang lain di daerah-daerah di negeri-negeri yang berkenaan. Maka apabila sebuah jabatan itu berpindah, masalah berlaku hendak memindahkan komputer itu dan ianya akan mengambil masa. Kadang kala jabatan

yang berkenaan akan tertanggung kerja-kerjanya. Kerja-kerjanya bolehlah dikatakan jem buat sementara waktu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian baru ditubuhkan dan apabila keputusan hendak memindahkan pejabat itu dibuat, maka perkara-perkara seumpama ini haruslah dikaji sebelum ketua jabatan berkenaan membuat keputusan untuk memindahkan pejabat atau kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu perbelanjaan yang banyak juga digunakan adalah untuk memindahkan kerusi meja dan alat-alat yang lain dan biasanya saya perhatikan kerja-kerja ini diberi kepada kontraktor-kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. Malangnya, kontraktor-kontraktor berkenaan tidak menjalankan kerja yang betul dan biasa kita dengar apabila pejabat sebuah jabatan Kerajaan itu pindah, maka ada sahaja dokumen-dokumen atau fail-fail yang hilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik sangat di atas penyusunan semula Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dulunya dipanggil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan banyak agensi-agensi seperti RISDA dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang adalah sekarang ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya yakin dengan adanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, maka agensi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini akan dapat bertambah maju. Ianya telah lama ditubuhkan tetapi sehingga hari ini kesannya kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang amat menyedihkan dan kita berharap ianya akan disusun semula semoga dapat

memberi perkhidmatan yang baik kepada orang-orang Melayu di negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Khidmat Kontraktor sudah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Perusahaan Awam. Ini adalah keputusan yang amat baik sekali kerana kita perhatikan di masa yang lalu Pusat Khidmat Kontraktor ini tidaklah menjalankan kerjanya dengan apa yang kita harapkan kerana Keputusan untuk mendaftarkan seorang kontraktor yang kecil sahaja mengambil masa yang agak panjang dan ini amat menyedihkan dan perkara yang kedua pula, apabila seorang kontraktor itu mendapat kesalahan yang kecil tanpa banyak siasatan oleh Pusat ini, maka ianya terus membatalkan pendaftaran kontraktor yang berkenaan.

Saya harap, dengan adanya ia di dalam Kementerian Perusahaan Awam **ini**, dengan adanya kakitangan yang lebih berpengalaman di dalam selok belok perniagaan ini, maka masalah ini akan dapat diselesaikan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah tabung yang baru ditubuhkan iaitu Tabung Perindustrian Kecil dan Sederhana, agaknya baru ditubuhkan dengan tujuan untuk membuat kajian-kajian kemungkinan di atas projek-projek yang dijalankan oleh peniaga-peniaga kecil. Saya berharap bahawa ini akan dapat disebarkan kepada orang ramai dengan sepenuhnya supaya peniaga-peniaga kecil dapat pertolongan daripada kajian-kajian feasibility study yang dibuat oleh Tabung ini. Saya ingin bertanya apakah Kemudahan-kemudahan yang dapat diberi oleh Tabung Perindustrian Kecil dan Sederhana ini kepada peniaga-peniaga kecil kita?

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak setengah juta ringgit telah kita belanjakan pada tahun lalu untuk menyambut Hari Peladang, Penternak dan Nelayan bagi tahun ini 1990. "Hari" ini telah disambut dengan sebegitu meriahnya oleh petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini dan adalah diperhatikan bahawa lereka cuba bergembira untuk menyambut hari yang dinamakan Hari Peladang **itu**. Tetapi yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebahagian daripada mereka tidak mendapat kemudahan seperti mana kawan-kawan yang lain dapat. Ada sebahagiannya mendapat pembiayaan tambang, makan minum tempat tidur dengan percuma apabila menghadiri Hari Peladang **ini**. Tetapi ada juga yang datang daripada negeri-negeri lain yang tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini. Kenapakah perkara seumpama ini berlaku? Adakah di dalam sambutan ini cuma mana-mana negeri yang agak mampu sahaja yang membiayai perbelanjaan seumpama ini diberi ataupun diberi kepada peserta daripada tiap-tiap negeri. Jika jumlah wang yang sebegitu banyak, setengah juta telah dibelanjakan, maka haruslah supaya pembiayaan ini diberi dengan sama rata supaya ianya mendapat nikmat semua peladang-peladang di negara ini kerana sambutan ini adalah diadakan setahun sekali dan sepatutnyalah siapa sahaja yang kita jemput hadir itu mendapat segala kemudahan-kemudahan yang dibeli kepada orang-orang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berbelanja sebanyak \$18 juta. Sebahagian daripadanya adalah untuk latihan kemahiran hidup dan latihan matrikulasi kepada guru-guru. Adalah mendukacitakan bahawa sungguhpun latihan ini amat baik sekali, tetapi perkakasperkakas dan alat-alat bagi latihan ini adalah tidak mencukupi dan diperhatikan lagi pelatih-pelatih ini tidak mendapat kemudahan yang secukupnya apabila menghadiri latihan tersebut. Saya berharap dengan peruntukan yang besar yang diterima oleh Bahagian ini, perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Perbekalan Tambahan yang dipinta ini adalah memuaskan dan telah memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di negara ini. Kita berharap dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibelanjakan ini telah dapat dinikmati oleh rakyat-rakyat kita dan semua rakyat akan berpuas hati terhadap segala perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Puan Aionon.

5.41 ptg.

Puan Aionon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun bagi bersama-sama membincangkan dan membahaskan dengan tujuan untuk menyokong penuh kepada Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Sesungguhnya wang ini mungkin sudah hampir habis di belanjakan. Walaupun kita setuju atau tidak setuju, perkara sudah berlalu, namun begitu meneliti daripada penjelasan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan daripada Kementerian Kewangan, nyatalah bahawa pertambahan permintaan Tambahan Perbekalan ini perlu untuk rakyat jelata dan perlu untuk negara dan telah dijadualkan di sini beberapa peruntukan yang telah dibelanjakan dan mungkin ada baki sedikit-sedikit, hari ini 20hb yang masih sedang digunakan dengan tujuan-tujuan yang dijelaskan tadi. Kita memahami bahawa tidak ada duit tidak menguit, dan kita juga faham bahawa segala benda-benda dan perkara-perkara yang ada masalah atau yang masih perlu diperlicinkan atau seperti kata sahabat saya tadi yang mendatangkan "gundah-gulana", boleh diselaraskan sekiranya peruntukan itu.....

Timbalan Yang di-Pertua:dan congak bongak.

Puan Ainon binti Ariffin: ...dan congak bonggak. Perkataan ini saya rasa terkenal di Sarawak dan di sini mungkin dipanggilkan sombong bongkak atau bongkak sombong, iaitu mereka yang berkhayal dan merasakan jalanraya itu hak kepunyaan dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, telah dijadualkan di sini beberapa peruntukan-peruntukan berkenaan. Saya menyokong penuh, cuma saya ingin membuat sentuhan, pandangan dan cadangan, walaupun di dalam penjelasan yang telah diberikan oleh Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen di Kementerian-kementerian yang kita dengar bagi menjawab hujah bagi menjelaskan kemusykilan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara di dalam Titah Ucapan Di-Raja, tetapi saya rasa ada lagi perkara-perkara yang perlu kami memberikan

pandangan dan pengesyorkan. Oleh kerana tidak ada Timbalan Menteri atau Setiausaha-setiausaha Parlimen yang berkenaan, kecuali seorang Setiausaha Parlimen yang taat setia iaitu Dato' K. Nijhar, maka saya rasa pegawai-pegawai yang ada di sini, tolonglah catatkan dan entah bagaimana pada kali ini Dewan Negara tidak ada "Hansard". Saya percaya ini kerana kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam bidang-bidang untuk menerbitkan atau mengedarkan "Hansard" ini.

Ini tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan, tetapi saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua membawa perkara ini dan seharusnya ini diambil perhatian. Kekurangan kakitangan bukan masalah besar, ia boleh ditambah dengan kakitangan sementara. Ada banyak lagi mahasiswa-mahasiswi, steno-steno yang bijaksana di luar sana yang masih menganggur ataupun bekerja sambilan sahaja yang boleh dipanggil bertugas semasa Dewan ini bersidang. Mohon izin, perkara ini ditujukan kepada pentadbiran Parlimen. Janganlah hendaknya Dewan Negara ini dipandang ringan, kerana Dewan Negara tiada Pembangkang di dalamnya. Namun begitu, Dewan ini mulia dan berfungsi tinggi dan mempunyai kuasa-kuasa yang kalau digunakan boleh menyebabkan terduduk banyak perkara. Jadi, eloklah diberikan perhatian, Saya mewakili kawan-kawan, dukacita perkara ini berlaku di ketika zaman pembangunan yang pesat dengan sains dan teknologi, komputerise sedang betul-betul maju dan betul-betul cerah cemerlang khidmatnya di negara kita.

Masuk kepada tajuk, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.4 iaitu mengenai peruntukan yang diberikan kepada Suruhanjaya

Pilihanraya. Pertama, setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Kedua, syabas di atas kerja-kerja mereka yang begitu fantastic, yang begitu menakjubkan, kerana dalam masa seketika, dalam masa hanya lebih kurang 1 bulan (tidak sampai) diisytiharkan pilihanraya, mereka telah bekerja keras dan berjaya menapak. Ini juga satu bahasa, Tuan Yang di-Pertua, sehingga berjaya merangkumi, berjaya mengatasi, berjaya menimbulkan atau menjayakan kerja-kerja mereka 99% berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, 99% berjaya, ada 1% tidak berjaya, yang tidak berjaya inilah yang saya ingin tegur secara membina, iaitu bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya kita yang berada di satu negeri di Pantai Timur telah terang-terang menggunakan hak-hak sebagai pegawai Suruhanjaya Pilihanraya yang berkecuali, tetapi tidak berkecuali membantu parti-parti tertentu untuk mengkaburkan pengundi-pengundi.

Ceritanya, Tuan Yang di-Pertua, telah banyak kali disebutkan, terutama oleh wakil-wakil dari Kelantan. Tetapi perlu juga diperingatkan lagi bahawa satu tipu muslihat halus yang celah dijalankan oleh kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya itu sendiri di Kelantan. "Kok ini negeri Siti Wan Kembang, negeri Kelantee". Jadi, telah digunakan, sama ada pegawai ini pegawai sementara yang diimport atau didatangkan untuk membantu pilihanraya berkenaan atau benar-benar telah dirancang "lempar batu sembunyi tangan", atau kerana sesuatu pengaruh halus dari mana-mana pihak. Mereka ini dengan beraninya telah membuat tipu muslihat kepada pengundi-pengundi, bila pengundi hadir "Oh! makciknyo, namo takdok di sini, ada kat N.16"

Betul itu, Tuan Haji Mohd. Noor? "di N.16 - Takdok sini dok guana hambo nok undi - N.4". Minta maafilah, ini dialect kita yang dicintai. Ini satu daripada kebudayaan kita, dialect kita, satu daripada perkara yang menarik pelancong datang ke Malaysia. "Jadi, takdok, gi puloklah ke N.4, takdok jugok, gok-gak, gok-gak, sampai hari pukul tigo dah, pukul empak dah, balik grumah sahajalah, tidak jadi ngundilah". Selain daripada dikurung, di bawa, dikidnap, pasportnya disimpan dan lain-lain. Ini ternyata dari laporan sulit yang dikemukakan, penyelewengan dari segi daftar undi berjalanselama sehingga menyebabkan beribu-ribu pengundi tidak dapat mengundi seperti yang dikehendaknya. "Tidak tahulah ambo hendak Barisee ko, Pas ko, 46 ko" tetapi dia tidak dapat mengundi di ketika itu dan ini jelas dengan terang.

Tuan Adam bin Kadir: Adakah Ahli yang tidak faham?

Puan Ainon binti Ariffin: Jika tidak faham saya jelaskan. Mereka ini tidak dapat mengundi kerana namanya ada tetapi pegawai-pegawai undi itu mengatakan tiada. Saya juga hairan mengapa orang-orang parti yang tidak mengambil peranan membuat protes. Khabarnya ada protes dibuat, tetapi "hok polis-polis di masa itu termenung sahaja tak buat satu gapo pon". Polis-polis yang ada pada ketika itu tidak membuat apa-apa tindakan selain daripada tersenyum. Pegawai-pegawai pilihanraya apabila mereka ini komplek dengan pegawai-pegawai Suruhanjaya di saluran dan juga yang menjadi pegawai-pegawai pendaftar di situ, mereka bersikap sunyi sepi atau mendiamkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapa begitu jadinya? Saya ingin bertanya lagi apakah ini sudah diambil perhatian oleh pihak berkuasa kita walaupun badan ini badan yang bebas? Tetapi badan bebas tertakluk di bawah perundangan. Dan kalau belum, sila jalankan, jangan hak-hak mengundi diganggu-gugat dengan tipu muslihat. Kita tidak kira apa parti, kita tidak mahu tipu muslihat, kalau rakyat kita, dia hendak undi 'A' biar dia pergi ke 'A' mengikut saluran lulus Perlembagaan dan demokrasi dan juga aturan-peraturan pilihanraya, Tuan Yang di-Pertua. Satu peratus yang lain itu handal, Alhamdulillah - saya puji.

Yang keduanya, saya ingin sentuh ialah Kementerian Belia dan Sukan. Syabas dan tahniah kepada Menterinya iaitu seorang Menteri dari negeri Cik Siti Wan Kembang juga. Dia telah mengatakan beberapa persediaan yang begitu komprehensif, yang begitu teratur rapi telah dibuat untuk menghadapi Olimpik 1992 di Barcelona, sebuah bandaraya yang cantik, Tuan Yang di-Pertua, cantik dengan pandangannya, indah dengan segala alam semula jadinya dan abstrak dari segi rekabentuk bangunannya. Saya pernah ke sana.

Tuan Adam bin Kadir: Apa yang cantik sekali?

Puan Aion binti Ariffin: Yang cantik sekali ialah wanita-wanitanya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sentuh ialah persediaan untuk olahragawati-olahragawati. Saya tidak faham, kenapa kita terlalu ketandusan mengenai olahragawati-olahragawati, maksudnya

ahli-ahli sukan wanita. Adakah kita tidak punya wanita-wanita handalan dalam bidang ini atau kerana kekurangan perhatian, minat, dorongan dan lain-lain?

Saya merasa terlalu bangga apabila Kedah dan Singapura lawan bola, menang berjuta-juta ringgit dapat hadiah, alangkah bahagianya, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah boleh duit ini atau Kerajaan atau dari mana-mana pihak, orang-orang yang kasih kepada sukan, yang cintakan sukan, memberikan apa-apa unsur kepada wanita-wanita yang telah berkemampuan dan membanyakkan lagi olahragawati-olahragawati ini? Saya tidak percaya kalau dikatakan tidak ada wanita yang berkelayakan. Saya tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua, kerana Malaysia terkenal dan mempunyai rakyat yang benar-benar berkaliber, berkemampuan, berbakat dalam semua bidang. Kalau Nurul Huda pernah memecahkan rekod di dunia, kenapa tidak ada Norhayati umpamanya mengikut jejakaya?

Tuan Adam bin Kadir: Atau Ainon umpamanya? **[Ketawa]**

Puan Ainon binti Ariffin: Nor Ainon, umpamanya, kalau Ainon saya, Nor Ainon orang lain. Kalau itu umpamanya, tetapi gerak-langkah perlu dibuat, jangan sekadar memberi laporan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedih selalu bila kita syorkan jawapan semuanya bagus, itu telah dibuat, ini telah dibuat, itu telah dijalankan, ini telah diusahakan, beres, beres, semua beres. Tetapi pelaksanaannya tak beres, jadi saya tidak menyalahkanlah kepada pihak yang menjawab, mesti dia hendak mempertahankan Kementeriannya atau Jabatannya, syabas, okay, tidak apa, Tetapi dalam

pada itu dengarlah apa yang dipandang ini buatlah.

Olahraga wanita kita dalam badminton langsung tidak ada, dahulu ada juga Baling Lembing sekarang sudah tidak ada juga. Dalam Sukan Renang bila Nurul Huda badannya sudah sedikit naik, sudah tidak ada jaga adalah baru-baru ini seorang wanita dari orang kita India, kemudian lumba lari dan lain-lain, makin pupus, makin pupus seperti pupusnya ikan-ikan sebelah, ikan-ikan Nabi di Laut Merah, seperti pupusnya dalam cerita-cerita alam sekitaran hendak menjaga sejenis binatang-binatang hidupan lamaan. Mengapa begini jadinya? Kenapa tidak ada geraklangkah yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua? Kami bukan orang sukan, tetapi kami ada semangat untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli sukan wanita ini. Jadi diharaplah Kementerian, bukan Kementerian sahaja tetapi orang ramai atau sesiapa sahaja yang sesuai beri bimbingan-bimbingan yang wajar. Kalau pihak lelaki boleh diberikan kemudahan, hadiah dan lain-lain, mengapa tidak di kalangan wanita? Kalau ada sahabat saya Senator Dr Nordin Selat, saya percaya dia mengambil perhatian berat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin menyentuhnya ialah mengenai Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian ini perlu diberikan setinggi-tinggi tahniah kerana telah banyak mengemukakan berbagai-bagai idea baru yang mendatangkan kebaikan dan yang memberi pulangan yang baik kepada rakyat ramai terutamanya rakyat marhin, rakyat di luar bandar dan di pendalaman.

Saya ingin bertanya tidakkah Kementerian Pertanian bercadang hendak mengadakan beberapa buah lagi taman bermusirn seperti yang ada di Bukit Cahaya Seri Alam. Malang seribu malang sampai kami hendak

melawat sudah tutup tidak boleh masuk, musim salji sudah habis, sudah datang musim panas di tempat yang dikatakan berhawa Khutub Utara. Ini satu rancangan yang sangat baik walaupun memakan belanja yang banyak kerana ia merupakan satu daya tarikan bukan sahaja kepada orang ramai, tetapi kepada pelancong-pelancong yang duduk dalam kawasan. Khatulistiwa. Kalaulah ini boleh di buat di Pulau Pinang atau di Kedah umpamanya, atau barangkali boleh dibuat di Terengganu, Kelantan tidak tahu lamanya. Di Terengganu saya rasa ada juga baiknya dari pulangan hasil sumber melalui pelancongan dan kita juga mengharapkan Menterinya akan peka pula dengan masalah pelaut-pelaut atau nelayan-nelayan di laut dalam. Satu ketika perkara ini pernah diutarakan dan telahpun diusahakan dengan begitu gigih, tetapi khabarnya tidak begitu mendatangkan hasil yang baik kerana nelayan-nelayan daripada rakyat Malaysia bumiputera atau non-bumiputera tidak begitu bersedia menerima latihan-latihan nelayan di laut dalarn.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita bosan, kalau kita hantar dulu 500 orang yang tinggal hanya 50 orang, 10 % ada dan saya percaya banyak lagi nelayan-nelayan kita yang gagah berani sebab orang kita Melayu **ini**, orang kita Malaysia, maaf saya, rakyat dan warganegara Malaysia ini sais badannya dan ketinggian fizikalnya berbeza-beza. Ada yang mewarisi Hang Tuah, ada yang mewarisi Hang Jebat, Hang Jebat kecil sedikit, dan ada badan yang mewarisi Hang Nadim, lagi rendah, kecil sedikit daripada Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa pemilihan paras ini juga perlu, fizikal ini kita beri peluang kepada yang badannya sasa-sasa macam Yang Berhormat sahabat saya di depan

ini Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

Peralihan yang pertama beri kepada daya tahan body dahulu, daya tahan badan, bukan daya tahan semangat. Jadi fizikalnya dahulu dikirakan, kalau kita beri hanya kira nelayan biasa, kecil besar, yang kecil tidak berapa berani ke laut dalam sebab dia takut bila dia masuk ke bawah nanti orang ingat dia ini ikan, sebahagian daripada ikan. Jadi kita bimbang, beri yang sasa-sasa itu ramai. Latih mereka ini, saya tidak hendak mengajar, kerana saya tahu Menteri Pertanian ini walaupun masuk jomlah yang ketiga, kecil sedikit orangnya, jadi mungkin dia boleh juga memikirkan fakta-fakta ini supaya diambilkira supaya nelayan di laut dalam ini wujud dan berkembang dari masa ke semasa, jangan lupa ada kemungkinan di satu masa nanti dekad 25 mana tahu, ikan tidak ke pantai, dia di laut dalam sahaja, pada ketika itu nanti kita akan kekurangan nelayan untuk mengusahakan bahan-bahan laut atau hidupan laut daripada yang dalam, maksudnya yang jauh daripada pantai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.21 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dahulu Kementerian ini dipanggil Kementerian

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhorrnat Maksud B 22.

Puan Ainon binti Ariffin: Maksud B.21 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, mukasurat 2, peruntukannya \$16 juta.

Tuan Adam bin Kadir: Baik, betul.

Puan Ainon binti Ariffin: Kepada Kementerian ini syabas, tahniah, jika ada perkataan yang lagi tinggi saya hendak sebat jugalah tetapi tiada. Tahniah dan tahniah, kerana ini merupakan dalam masa yang singkat telah mendatangkan pulang hasil ekonomi yang benar-benar dapat mengapungkan ekonomi Malaysia. Cuma saya ingin bertanya, dahulu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Tetapi tidak tahulah pegawai ada atau tidak di sini? Menteri tidak ada, Timbalan Menteri tidak ada, Setiausaha Parlimen pun tidak ada. Saya takut saya hanya bercakap dengan dinding, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun saya percaya **Hansard** di sana akan merekodkan cakap saya iaitu mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sudah faham, sudah mahir, sudah ada hasil.

Kesenian ini kesenian apakah yang akan dibentuk, yang akan direka, yang akan diperkembangkan. Kesenian dari segi ukiran, dari segi tarian dan bagaimana kesenian ini hendak dilaksanakan oleh Kementerian maksudnya dasarnya, polisinya, matlamatnya dan saya ingin penjelasan. Mungkin tidak dapat hari ini tidak mengapalah, sebab ini nanti akan dijawab oleh sahabat saya Timbalan Menteri Kewangan, mungkin beliau pun tidak arif mengenai masalah Kementerian-kementerian lain, kerja Kementerian Kewangan beri duit sahaja, perlaksanaan Kementerian berkenaan. Tidak adil saya bertanya kepada beliau.

Tetapi saya harap Hansard ada, kalau pun tidak terjawab, biasanya begitulah, Tuan Yang di-Pertua, tidak berjawab, maka saya harap biarlah ianya ada sebagai satu tinta sejarah dalam Perpustakaan Parlimen ini iaitu kesenian mana, penjelasan mengenai perkataan kesenian, saya kurang arif, kalau dapat minta penjelasan. Diharapkan kesenian ini meliputi satu pembentukan kesenian yang menuju ke arah kebangsaan. Satu pembentukan kesenian yang boleh dibanggakan sebagai satu kesenian kebangsaan Malaysia. Bagaimana corak, bagaimana cara ini pakar-pakar kesenian boleh memperbincang dan memperbuatnya, telahpun dibuat tetapi diubah, buat - ubah, buat - ubah. Dan untuk mencapai matlamat kepada pengembangan polisi, matlamat penerapan kesenian ini mintalah Kementerian Penerangan beri kerjasama. Jangan kesenian yang dibentuk nanti begini caranya, begini bentuknya tetapi pihak Jabatan Penerangan kita, Kementerian Penerangan kita masih lagi menyiarkan, menyebarkan, menghighlightkan

kesenian-kesenian ala-pop, ala-rock, ala ke barat-baratan yang saya hendak kata lagi, menjolok mata walaupun Setiausaha Parlimen tadi menjelaskan etika ini telah dibuat, etika itu telah dibuat. Selera orang tidakkan boleh diikuti semua dalam bahasa Inggeris beliau bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memahami, kita tidak akan boleh mengikut semua selera manusia tetapi kita tidak pula boleh mengikut selera yang akan meruntuhkan polisi kita. Sebagai sebagai Kementerian ianya kena taat kepada polisi yang ditentukan oleh negara yang direstui oleh rakyat umpamanya. Jadi, kalau dasar telah dibentuk, pelaksanaan dasar melalui Kementerian-kementerian termasuk media massa dan termasuklah alat Kerajaannya, Kementerian Penerangan dan dalam Bahagian Penerangan, Penyiaran, Filem Negara yang duduk di bawah Kementerian ini. Kalau tidak berselaras kata sahabat saya daripada Terengganu, dimensinya tidak selaras jadi bagaimana. Di sini menyanyikan lagu bercorak langgam, tetapi di sini menyanyikan lagu bercorak jazz sedangkan dasarnya cantumkan kedua-dua ini cari satu resolusi supaya tidak menghilangkan identiti-identiti kebangsaan Malaysia dan supaya ianya tidak melanggar penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Kementerian Penerangan ini, kerana saya pernah berkhidmat di sana 10 tahun termasuk Tuan Yang di-Pertua pernah jadi boss saya satu ketika. Jadi, "kami memahami semua di dalam, jangan lagi kita berlindung di balik telunjuk, jangan lagi kita bersembunyi di balik lalang, kenapa kita tidak

terima kenyataan. Kita kata kita hendak buat, kita kata kita hendak unjurkan, kita kata kita hendak bina tetapi pelaksanaannya macam gasing tidak bertali. Hingga bila kita perlu menetapkan gasing ini, matlamat kita ini, tahun 2500, tahun 4500 kerana kita memerlukan duit, kewangan, kerana kita perlu mendengar selera-selera pihak-pihak commercial, kerana kita perlu mendengar selera belia-belia kita yang ingin kepada semua yang indah-indah, yang tidak suka memakai pakaian yang lengkap, yang ingin menengok benda-benda sulit melalui TV. Apakah ini yang kita mahu dengar, apakah perkara ini yang kita hendak jalankan.

Tuan Adam bin Kadir: Apa benda yang sulit di TV itu?
[Ketawa].

Puan Ainon binti Ariffin: Bukan benda yang sulit di TV Tuan Yang di-Pertua. Benda yang sulit pada manusia didedahkan oleh TV.

Tuan Adam bin Kadir: Oh begitu.

Puan Ainon binti Ariffin: Jadi, dia terbalik. Benda yang disulitkan yang Allah suruh simpan, yang agama lain pun suruh simpan baik-baik tutup elok-elok sebab itu sesuatu kesenian indah yang tidak ternilai, satu maruah yang tinggi nilainya tetapi di TV didedahkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak percaya, sila lihat, tonton 'Selamat Pagi Malaysia' pukul 8.00 pagi hingga sampai tayangan tengah malam pukul 2.00 pagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak memperkatakan dengan niat prejudis demi Allah kita memperkatakan dengan niat ingin menentukan arah kebudayaan, ingin menentukan generasi kita di negara kita ini

dihalakan, diarahkan mengikut visi kita yang telah kita dasarkan menjadi dasar kepada Kerajaan. Yang saya tahu di Kementerian ini ikut bossnya, ikut Menteri, kalau Menterinya begini maka dasarnya beginilah. Saya rasa perlulah kita parkatakan, "Katakan olehmu yang benar, walaupun pahit." Ada Pepatah Arab yang menyebutkan begitu.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Hadis,

Puan Ainon binti Ariffin: Ada Hadis maafkan saya - "Katakan olehmu yang benar, walaupun pahit." Saya hendak memperkatakan yang pahit walaupun kerana ini saya tidak popular, gamlah saya tidak mengapa tetapi jangan gam dasar Kerajaan, jangan gam dasar rakyat, jangan gam hari depan anak-anak kita dan jangan gam percantuman nilai-nilai yang tinggi, moral yang baik yang kita hendak terapkan di kalangan generasi masa yang akan datang. Kalau kita kata, kita tidak boleh sekat selera orang-orang muda, ada lain-lain jalan mereka boleh menyalurkan selera mereka mengapa kita Kementerian, mengapa kita Kerajaan menonjol, membimbing, mendedahkan perkara Ini. Kalau dikatakan demokrasi tidak boleh sekat, ada disko beribu-ribu sekarang, sejak kita melancarkan projek pelancongan, di Kuala Lumpur sahaja sudah ada 87 buah disko-disko berbentuk terbuka, berbentuk tertutup, berbentuk gelap.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Di mana dapat statistik itu?

Puan Ainon binti Ariffin: Kerana saya duduk di Wilayah Persekutuan dan saya sangat rajin meneliti perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya duduk di Lembaga Penasihat

Dewan Bandaraya, saya biasa menyamar pergi melihat pertunjukan lucah di Penthouse di Pertama Kompleks, selepas itu buat laporan maka lesennya ditarik. Saya berani kata semenjak saya duduk di Bahagian Pelesenan itu, lebih kurang 20 lesen telah ditarik, pertunjukan lucah selepas jam 11.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itulah saya berani memperkatakannya, Kita tidak menyekat selera orang, Tuan Yang di-Pertua. Dosa masing-masing tanggung tetapi jangan diunjurkan, jangan diunjurkan dan apa lagi Kerajaan sendiri melalui Kementerian yang dekat dengan rakyat, penyiaran, penerangan tidak mahu sama sekali memperbetulkan apa yang telah kita tegur, yang menuju kepada arah kebudayaan rojak, menuju arah kepada satu keruntuhan moral secara halus, melalui siaran yang kita control kerana kita inginkan 'al-tulus'. TV3 al-fulus. Kalau lulus TV4 saya tidak tahu apa yang akan berlaku, diketika itu etika-etika, saya telah kata, bukan saya tidak tahu ada etika, saya tahu ada etika. Dahulu rambut panjang - tidak boleh, sebelah sini tidak boleh. Sekarang rambut panjang diikat dengan getah masuk dalam baju, masih boleh. Ramli Sarip rambutnya sampai kepongongnya, kebuntutnya masih boleh menyanyi di TV. Sheqal, penyanyi yang saya berkenan, saya suka, saya sayang, pada saya biar rambutnya yang panjang tetapi jangan kebudayaan kuning itu memanjang-manjang. Rambut panjang tidak jadi masalah, di zaman Rasulullah pun, Rasulullah rambutnya panjang. Betul, Tuan Haji Mohd. Noor? **[Ketawa]**.

Tetapi yang kita hendak sekat ialah terapan-terapan budaya lucu secara langsung atau tidak langsung. Bukan kepada pakaiannya sangat atau kepada rambutnya sangat, Tuan Yang di-Pertua. Pakaian yang sopan tidak semestinya memakai jubah - sopan juga dia. Yang dikatakan tidak sopan, tutup hanya sedikit kalau wanitanya di sebelah atas dan tutup sedikit di tengah yang lain terbuka. Itu adalah pakaian yang tidak sopan.

Kalau memakai pakaian yang secantiknya, bergaya dengan potongan apa fesyenpun, Paris ke atau Malaysia ke, tidak ada masalah. Ianya dianggap sopan, demikian Tuan Yang di-Pertua. Tidak niat hendak mengajar, tapi niat hendak menegur, saya akan terus tegur selagi saya boleh menegur.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh pula kepada Kementerian Pendidikan - Kementerian yang paling penting perannya di dalam membentuk generasi negara selain daripada Kementerian Penerangan. Kementerian ini sudah berjalan dengan baik. Kementerian ini sudah buat apa-apa yang diamanahkan kepadanya dan sentiasa peka dengan masalah-masalah. Kita tahu tadi ada sahabat saya kata kenapa tidak ada pendirian yang tetap. Ini menunjukkan ada di peringkat Kementerian kita ini sikap-sikap tolak-ansur yang tinggi. Kalau itu menjadi halangan kepada rakyat, kalau rakyat majoriti minta, mereka pun ubah sedikit polisinya. Saya rasa ini membawa kebaikan juga kerana Menteri ini seorang yang sangat fleksible dan beliau juga telah dinasihatkan oleh ramai orang yang memahami pendidikan.

Saya hendak sentuh mengenai tadika/tabika. Tadika/tabika di negara kita ini, alhamdulillah syukur, tumbuh macam cendawan. Ada nama Taski, ada nama Tasku, ada nama Taska dan berbagai-bagai lagi. Saya hendak menyentuh tiga jenis tadika yang kita khawatiri akan memberikan pendidikan yang salah kepada anak-anak kecil tadika pra-sekolah. Anak-anak kecil berumur empat tahun, Tuan Yang di-Pertua. Yang swasta juga, kurikulumnya tidak berselaras. Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum juga langsung tidak berselaras.

Satu sekolah swasta yang ada di dalamnya anak-anak berumur tiga tahun empat tahun dari semua keturunan rakyat Malaysia akan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar kemudian menggunakan kebudayaan-kebudayaan Hawaii dan Barat dari segi pakaian dan juga pendekatan. Ini tidak bersesuaian.

Kemudian ada pula taski iaitu tadika Islam yang mendidik anak-anak berumur tiga tahun empat tahun, bungkus semuanya dari atas sampai ke bawah, dan kemudian mendidik cara-cara macam mana hendak mati. Macam mana hendak mati bukan hendak hidup. Cara-cara bagaimana kalau kita mati.

Halia ini tanam-tanaman,
ke barat juga akan condongnya,
dunia ini pinjam-pinjaman,
akhirat juga akan sunggunya.

Demikian pantun yang dibuat. Ertinya ingat mati sahaja, yang lain jangan ingat. Tidak ada motivasi untuk hidup. Kemudian diselitkan, ditanamkan rasa pendewaan kepada yang membimbing. Kalau kelas itu ditaja oleh PAS, dia pergi kepada Nik Azizlah, ataupun

siapa pemimpin-pemimpin yang berkenaanlah. Kalau cikgunya itu orang Arqam, dia pergi kepada Arqamlah, bukan kepada Allah. Ini berserak-serakan.

Saya tahu Kementerian sudah peka tentang perkara ini, sudahpun dibuat undang-undangnya, akan dibawa ke Parlimen, tetapi sebelum undang-undang itu berjalan, sebelum undang-undang itu diluluskan mungkin mengambil masa setahun, ini sudah berjalan, Tuan Yang di-Pertua. Sudah lima tahun, enam tahun. Budak ini berumur tiga tahun, tiga tahun yang lalu, sekarang sudah berumur enam tahun. Kalau dahulu umurnya lima tahun, sekarang sudah lapan tahun. Sudah tertanam, yang satu bila buat Hari Ibu Bapa ataupun Hari Terbuka, pakai pakaian Hawaii, tutup tempat itu sahaja, budak kecil lah, pakai jumbai-jumbai begitu, kemudian menari begini gelek, gelek.

Tuan Adam bin Kadir: Itu cara barat.

Puan Ainon binti Ariffin: Ya, itu cara baratnya yang juga kuning dan yang juga melampau dari segi pendidikannya. Selain daripada tidak ada unsur-unsur kebudayaan Malaysia bukan timur, bukan Islam sahaja - Malaysia cukuplah, tiada. Yang satu lagi seperti yang saya kata tadilah. Tidak ada kerja lain, kalau nampak sahaja yang bukan bertedung, itu kafir, jangan tegur dia, tidak boleh cakap dengan dia. Orang sebelah rumah itu kalau nampak orang itu kuatkan radio, ha! ha! ha! Ini isi neraka, ini isi neraka. Begini didikan-didikan yang dibuat. Kemudian panggil emak-bapa, diterapkan pula emak-bapa itu dengan kefahaman-kefahaman politiknya. Politik yang sindrom, kata bahasa baru ini kepada satu arah. Bukan

kepada Islam, kalau kepada Islam saya pun mengucapkan syukur kepada Allah. Perlu kita didik kerana dengan ada pendidikan rohaniah, manusia boleh menjadi manusia yang berguna dan tidak akan mendekati perkara yang mungkar. Sangat baik tetapi ini bukannya itu. Dia menuju kepada pelampau, cara yang melampau, cara yang fanatik dan menimbulkan kontroversi akhirnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, tamatlah sudah Kementerian Pendidikan. Hujah saya, permintaan saya selaraskan cepat, sebelum luluskan undang-undang, tengok-tengok sedikit perkara ini kerana Kementerian ada kuasa. Semasa hendak lulus, ada kuasa. Negeri-negeri ambil perhatianlah tentang perkara-perkara ini. Jangan esok sudah cucuk mata, barulah kita hendak tarik-tarik, sama dengan cerita berkenaan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pula membawa kepada Kementerian Perusahaan Awam. Kementerian inilah Kementerian yang diminati oleh orang ramai. Lorinya, teksinya, bas persiarannya, bas mininya dan bermacam-macam lagi. Pada hal Kementerian Perusahaan Awam ini banyak perkara lain. Tetapi yang ini jadi kontroversi. Saya rasa dengan Menteri baru yang telah mengambilalih Kementerian ini dan Menteri dahulupun bagus. Saya tahu Yang Berhormat Dato' Napsiah pun telah mencuba sedaya-upayanya menyelaraskan keadaan di sana. Cuma sekarang ini rungutan orang ramai dari segi pelaksanaan di Bahagian Pengangkutan dan Pelesenan ini. Bukan satu rungutan, Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu. Jadi, diambillah perhatian, selarasilah. Ada fail yang masuk tahun 1980, sekarang hilang. Tidak ada berita.

Ada pula fail yang masuk tahun 1989 pun hilang, tidak ada berita. Tidak dapat dicari dan lain-lain kerana penyelarasan kakitangan di sana yang perlu disesuaikan lagi. Saya percaya ini perkara kecil tetapi perlu diambil perhatian berat juga kerana kalau pentadbiran daripada pelaksanaan ini tidak berjalan dengan baik, kita bimbang berbagai kontroversi pula akan timbul nantinya.

Sekarang kita pergi kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Yang ini tadi Timbalan Menteri menjelaskan segala-daya usaha dan segala polisi dan juga segala kegiatan dan juga segala perkembangan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini terutamanya dalam memberikan pendidikan untuk ibubapa dan bakal ibubapa dalam hal-ehwal mendidik anak-anak supaya kejadian penderaan anak-anak, supaya keadilan kepada kanak-kanak, bukan sahaja kanak-kanak, kadang-kadang anak kecil berumur 16 tahun, 20 tahun, pun ada berlaku dapat diatasi.

Saya hanya hendak memberi satu syor. Syornya ialah kita tahu benda itu sudah berjalan, kita tahu ia sudah dibuat, tetapi peningkatan kes-kes penderaan ini berkembang juga. Ertinya kekesanannya belum mantap. Apabila belum mantap, pertingkatkan. Bukan kita kata dia orang tidak buat-buat, Tuan Yang di-Pertua. Kita minta pertingkatkan. Kalau kakitangan tidak cukup, Kementerian ini berkait rapat dengan masyarakat. Di bawahnya ada RELA, Jabatan Perpaduan, HAWA dan berbagai-bagai. Saya mengesyorkan wujudkan satu jawatankuasa yang boleh mengendalikan sukarelawan-sukarelawan yang mahu bekerja di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak berita penderaan ini keluar dua tahun yang lalu ada ramai wanita khususnya yang menawarkan diri ingin hendak menjadi pembimbing membimbing ibu bapa atau pergi meninjau kes-kes yang dilaporkan untuk memberikan pandangan, kaunseling - ramai kaunselor wanita. PEMADAM sahaja telahpun menganjurkan kursus-kursus kaunseling kepada wanita sehingga sekarang seramai 180 orang. Itu peringkar lanjutan, bukan awalan atau pertengahan. Tetapi sampai kepada lanjutan. Kaunseling iai banyak kepada kekeluargaan. Ada sebahagiannya dadah tetapi sepenuhnya ialah kaunseling kekeluargaan. Wujudkan sukarelawan khas - tanda kita serius di dalam tindakan **ini**. Kemudian buatlah penerangan-penerangan ini di mana-mana sahaja.

Saya rasa pindaan kepada Akta yang sedang berada di Dewan Rakyat tidak begitu kuat sebab kalau denda dengan penjara, mereka tidak merasa betapa perbuatan mereka itu menyeksa anak-anak ini. Itu sebab tadi saya ada menyarankan tetapi Akta sedang dibuat, tetapi budi-bicara polis boleh buat semasa mereka menjalani hukuman di penjara. Cuba buat apa yang dia buat kepada anak dia atau keluarga dia. Dia selar dengan besi panas. Dalam penjara boleh dibuat, ini boleh menyedarkan dia sebab bila dia rasa, aduh - sakitnya.....

Tuan Adam bin Kadir: "Selor" itu apa?

Puan Ainon binti Ariffin: "Selor" itu cakap Perak yang bererti selar. Ambil besi panas - selar! Yang baiknya kalau lelaki, selar dekat pesakanya. **[Ketawa]**

Kalau perempuan pun selar juga, selar juga dekat kilang-kilangnya supaya dia merasa betapa sakitnya sebab kalau sekadar biasanya dia tidak akan sedar.

Kaunseling ada dua jenis. Mereka yang mempunyai konflik jiwa, memerlukan kaunseling. Mereka yang ganas dan liar memerlukan pendekatan yang kasar dan ganas juga sebab pencuri juga yang pandai tangkap pencuri. Maka kasar juga yang boleh membetulkan kekasaran. Ini saya minta sangatlah kalau ada pihak daripada Kementerian Dalam Negeri, tolonglah beritahu polis, esok dia dalam penjara, selar sedikit, ke buntutkah, ke manakah, biar dia rasa. Taruh juga puntung-puntung rokok-rokok dekat bibirnya, dekat mata, dekat mana sahaja kerana saya benar-benar jadi sakit jiwa, Tuan Yang di-Pertua, bila melihat gambar dua adik-beradik di Terengganu, sebelumnya itu Balasundram. Kes Balasundram menyebabkan saya demam dua hari, demam perasaan, geram, panas, sakit hati, sedih dan lain-lain. Itu kes yang kita tahu.

Tadi disebutkan kes itu rupanya menjangkau, yang berdaftar, yang dapat oleh Kementerian berkenaan 896 kes. Itu yang dapat, yang tidak dapat entah berapa lagi banyaknya. Entah banyak lagilah, sekarang ketika ini kita bercakap ini anak-anak yang menderita menjerit-jerit sampai tidak bersuara kerana diseksa dan didera oleh mereka yang bernama manusia tetapi sebenarnya binatang.

Tuan Yang di-Pertua, singa pun tidak buat anak macam **itu**. Buaya pun tidak buat anak macam **itu**. Jadi, saya rasa hukuman selar dengan api atau satu lagi ialah cucuh dengan puntung rokok wajar diadakan. Di Dewan Rakyat, sahabat saya, Yang Berhormat Shahidan

Kassim minta supaya sebat depan orang ramai. Saya kata tidak payah berbuat begitu. Selar sahaja dengan besi panas itu kerana bila berparut dia akan ingat perbuatannya dan ini akan menakutkan pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan, setakat itu sahaja hujah saya dan dengan ini sekali lagi saya rnenyokong. [Tepuk] Saya menyokong Rang Undang-undang DB 37/90 yang telah dibentangkan pada hari ini dengan harapan semoga hujah-hujah saya tidak disalah mengertikan, diterima dengan niat yang ikhlas.

Akhir sekali B.61 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, saya menyokong penuh anjuran yang telah dibuat oleh sahabat saya, seorang intellectual daripada Orang Asli. Saya rasa apa yang dibentangkan-nya di Dewan ini memang benar-benar berdasarkan kepada satu kenyataan yang wajar diberikan perhatian serius. Alhamdulillah, terima kasih, Menteri yang berkenaan pun berkata hendak meminta Yaag Berhormat ini sesama membincangkan untuk menjalankan segala usaha mengatasi segala perkara yang telah dibawanya. Syabas kerana mereka juga adalah merupakan warganegara kita malahan mereka inilah yang telah memulakan penghidupan di negara kita ini di peringkat awalan dahulu dan mereka ini juga sebenarnya sudah ramai antaranya menjadi pengundi-pengundi, Dan juga telah banyak antara mereka memberi khidmat bakti sama ada di bumi atau bakti di dalam pertanian dan bukan itu sahaja, ada juga mereka ini banyak lagi yang telah memberi bakti dalam lapangan sosial yang lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, wanita-wanita mereka juga perlu diberikan perhatian yang berat. Saya harap sahabat saya Yang Berhormat yang menggantikan Yang Berhormat Tuan Hassan Nam akan juga memasukkan perkara-perkara yang bawa kebaikan, pembelaan dan juga peluang-

peluang kepada wanita-wanitanya. Saya faham wanita mereka selain daripada berwajah cantik mempunyai bakat-bakat dalam berbagai-bagai lapangan dan terutamanya dalam lapangan kraftangan dan dalam lapangan pertanian. Kebanyakan wanita-wanita kita sudah sedikit malas berbudi dengan tanah. Tetapi wanita-wanita daripada orang kita ini rajin dan masih sayang, masih kasih dan masih berminat berbudi dengan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap dan mengharapkan ianya akan diberikan perhatian dan mintalah penggal kita yang kedua nanti akan bermula pada 18hb Februari, 1991, kita mempunyai **Hansard** kita di Dewan ini. Ini harapan daripada semua pihak yang ada dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ada lagi? Ada peluang lagi - ada lima minit lagi. Sila, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan,

6.25 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membawa perhatian-kepada Kementerian Pendidikan. Di dalam daerah Sepang di mana saya berada di situ ada sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan. Di situ lebih kurang 1,000 lebih murid belajar di sekolah itu. Pada tahun ini di dalam peperiksaan SRP murid-murid di situ mendapat 50%, kelulusan Gred A dan B. Saya difahamkan di sekolah itu tidak ada

guru sebanyak 20 orang. Macam mana Kementerian Pendidikan boleh tukar guru dengan sewenang-wenangnya. Di situ sudah ada huru-hara di mana ibubapa telahpun pergi ke sekolah dan ingin mengadu kepada guru besar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, guru besar pun tidak ada, guru besar pun sudah ditukar. **[Ketawa]**

Tuan Adam bin Kadir: Siapa ada?

Tuan C. Krishnan: Cuma ada seorang penolong kanan tetapi sampai 20 orang guru tidak ada di sekolah itu.

Tuan Adam bin Kadir: Maksud Yang Berhormat semua 20 orang itu telah bertukar.

Tuan C. Krishnan: Bukan semua. Satu-pertiga, daripada 60 orang guru 20 orang sudah ditukar, tidak ada gantian macam mana Kementerian Pendidikan boleh buat begitu? Mungkin ada General Assembly UMNOkah? **[Ketawa]** Mereka dapat berbual dengan Ketua Bahagian, saya tidak tahu. Kejadian seperti ini tidak boleh berlakunya. Ini akan menjejaskan imej Kementerian ini. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri naib pengerusi PIBG dan ini adalah satu yang Kementerian Pendidikan harus mengambilkira apabila membuat sesuatu pertukaran. Sekiranya kita buat satu pertukaran harus ada gantinya. Sungai Pelek itu tidak jauh daripada Kuala Lumpur. Walaupun kita dari kawasan pendalaman dari Kuala Lumpur, sesiapa pun boleh sampai di sana dalam satu jam.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat sambung esok. Jadi, jam sudah sampai 6.30 petang. Dewan ditangguhkan sehingga 3.00 petang esok.

Deuen ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.